

PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH
DI NEGERI KELANTAN

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

Bahasa Arab dipercayai mula diperkenalkan kepada penduduk di rantau ini sejak lama dahulu dan mungkin ianya diperkenalkan bersama-sama dengan kedatangan Islam.

Bahasa Arab telah mula diajar dengan lebih teratur melalui sistem pengajaran pondok dalam abad kesembilan belas dan berterusan hingga sekarang.

Dalam masyarakat Melayu sebelum kurun kesembilan belas bahasa Arab lebih penting dari bahasa Melayu. Ini ialah kerana bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran, kitab suci bagi orang-orang Islam. Selain itu sudah menjadi adat menghantar orang-orang muda belajar mengaji Al-Quran. Budak-budak lelaki dipuji jika pandai membaca Al-Quran sebelum berkhatan. Kebolehan membaca bahasa Arab adalah menjadi kebanggaan kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Di Malaysia sekarang bahasa Arab dianggap sebagai bahasa asing, di sini bermaksud bahasa yang bukan bahasa ibunda. Sebagai bahasa asing kita mempelajarinya adalah untuk tujuan-tujuan tertentu.

Jika dipandang dari sudut lain pula khususnya dari sudut keagamaan kita dapati orang Melayu tidak pernah menganggap bahasa Arab sebagai bahasa asing, bahkan ianya mempunyai taraf yang khusus dalam masyarakat Melayu. Dan sejarahnya di Malaysia jauh lebih lama daripada bahasa asing yang lain. Peranan bahasa Arab sangat hebat dalam kehidupan keagamaan orang-orang Melayu.

Sekiranya ditinjau dari sudut sejarah pendidikan orang Melayu kita akan mendapati bahawa pendidikan dalam bahasa Arab yang diberi di pondok-pondok satu waktu dahulu sangat berpengaruh dalam pembentukan intelek Melayu.¹

Pada hari ini kita dapati bahasa Arab bukan sahaja diajar di sekolah-sekolah agama bahkan di sekolah-sekolah menengah lain juga bahasa Arab turut diajar. Bahasa Arab juga dijadikan bahasa pengantar bagi mata-mata pelajaran agama bagi kebanyakan sekolah agama.

Di dalam pengajian dan pengajaran bahasa Arab terdapat berbagai masalah. Masalah-masalah ini dihadapi oleh kedua-dua pihak iaitu guru dan murid. Di dalam menghadapi masalah ini seringkali satu pihak menyalahkan pihak yang lain.

¹ Asmah Hj. Omar, Aspek Bahasa Dan Kajiannya, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka Dan Kementerian Pendidikan Malaysia), hal.34.

Melalui kajian ini diharapkan dapat menemui serta mengenali masalah yang sebenarnya yang dihadapi oleh pelajar dan pengajar bahasa Arab di tanahair kita. Penulis dengan kemampuan yang ada padanya akan cuba mengemukakan beberapa alternatif ke arah penyelesaian masalah ini. Dan diharapkan ianya akan dapat mengisi kekosongan atau kekurangan bahan yang berkaitan. Ini adalah kerana kajian seumpama ini masih terlalu sedikit dilakukan di negara kita.

Rasional Kajian

Sehingga kini kajian-kajian mengenai pengajian bahasa Arab di negara ini belum begitu banyak, dan masih banyak masalah berhubung dengan perkara ini belum diberikan perhatian yang serius. Kalau ada pun beberapa kajian yang telah dijalankan sebelum ini masih belum dapat memenuhi keperluan untuk mengatasi masalah pembelajaran bahasa Arab ini. Ini adalah memandangkan kepada betapa pentingnya bahasa ini dan hubungannya dengan masyarakat Islam di negara ini.

Sepertimana yang kita ketahui bahasa Arab mempunyai kedudukan yang khusus bagi umat Islam di Malaysia. Pengajaran bahasa ini mempunyai tujuan yang khusus, iaitu beribadat kepada Allah s.w.t. serta memahami dan mendalami pengetahuan agama Islam. Bagi umat Islam mempelajari bahasa Arab merupakan 'fardua' iaitu yang diwajibkan ke atas setiap individu - sekurang-kurangnya untuk menunaikan sembahyang lima waktu dan lain-lain ibadat kepada Allah s.w.t.

Sepertimana yang diketahui bahawa sumber-sumber utama bagi pengetahuan Islam adalah di dalam bahasa Arab. Al-Quran telah diturunkan kepada nabi Muhamad s.a.w. sebanyak 30 juzuk di dalam bahasa Arab, hadis-hadis Nabi di dalam bahasa Arab, pengarang-pengarang agung di zaman silam mempersesembahkan bahan hasil karya mereka di dalam bahasa Arab.

Dengan adanya kajian seumpama ini diharapkan akan dapat memberi sumbangan ke atas pengajian bahasa Arab di negara ini seterusnya menolong meningkatkan lagi mutu pembelajaran untuk mencapai faedah yang maksimum.

Objektif Kajian

Objektif utama bagi kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang sejelas-jelasnya mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bahasa Arab di peringkat sekolah menengah, guru-guru dan lain-lain yang ada kaitan dengan pengajaran bahasa Arab. Seterusnya penulis dengan kemampuan yang ada padanya akan mengemukakan cadangan-cadangan serta alternatif ke arah penyelesaian masalah-masalah yang didapati itu dengan berpandukan kepada falsafah pendidikan Islam yang terkandung di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

Kepentingan Kajian

Kajian seumpama ini amat perlu dilakukan memandangkan kepada kelemahan-kelemahan yang terdapat di kalangan pelajar-pelajar agama di dalam menguasai bahasa Arab. Kelemahan yang seumpama itu

zelah dibawa bersama oleh pelajar-pelajar berkenaan apabila mereka menjelaki tangga universiti. Malah ada di antara mereka membawa keluar dari universiti yang mereka masuki keadaan yang sama. Meraka membawa masalah itu bersama-sama ijazah yang mereka miliki. Kebanyakan dari mereka menjadi guru agama dan akan dipertanggungjawabkan untuk mengajar bahasa Arab tanpa kerelaan mereka. Dengan demikian luka akan menjadi lebih parah.

Pentingnya kajian ini kerana ianya cuba menyelak kelemahan-kelehan yang berlaku dari peringkat awal lagi.

Hipotesis

Setelah hampir lima tahun penulis melibatkan diri di dalam pengajaran bahasa Arab di Universiti Malaya, khususnya di tahun pertama dan tahun kedua. Penulis telah mendapati perkara-perkara berikut:

1-Ramai pelajar yang memasuki Universiti Malaya terus ke tahun pertama dengan menggunakan Sijil Tinggi Pelajaran amat lemah bahasa Arabnya sehingga tidak dapat membentuk ayat yang betul walaupun dengan menggunakan perkataan yang mudah. Manakala pelajar-pelajar yang memasuki universiti ini melalui Pra Akademi Islam adalah jauh berbeza yang mana keupayaan dan kebolehan mereka di dalam bahasa Arab adalah lebih baik - setelah berada dua tahun di Nilam Puri Untuk belajar bahasa Arab secara khusus.

2-Dari segi motivasi, ramai pelajar dari STPM didapati motivasinya lemah berbanding dengan pelajar-pelajar dari Pra Akademi Islam. Keadaan ini terbukti apabila aktiviti-aktiviti kelas biasanya disertai oleh pelajar-pelajar Pra manakala pelajar STPM akan menyertainya jika keadaan memaksa sahaja.

Seterusnya pengalaman penulis menjadi pengajar sambilan di Universiti Kebangsaan Malaysia juga telah dapat mendedahkan kelemahan-kelemahan yang ada pada pelajar-pelajar agama yang mempelajari bahasa Arab.

Hasil dari pemerhatian penulis, penulis telah membuat selahan bahawa kelemahan siswa di dalam bahasa Arab adalah lanjutan dari kelemahan mereka di sekolah menengah tempat mereka belajar. Kelemahan ini adalah berpunca dari:

- 1-Kekurangan guru-guru yang berkelayakan
- 2-Kekurangan bahan-bahan bacaan
- 3-Penggunaan alat bantu mengajar yang tidak sesuai
- 4-Keadaan persekitaran yang tidak mendorong
- 5-Ketidaan kelas-kelas tusyen dan lain-lain

Kesemuanya ini menjadi punca kepada kelemahan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Kelantan. Untuk menjalankan kajian menyeluruh ke atas pelajar-pelajar dan sekolah-sekolah menengah di negeri Kelantan adalah di luar kemampuan penulis dari segi kesuntukan masa - kerana penulis hanya mempunyai masa setahun sahaja untuk menyiapkan kajian ini - juga kemampuan penulis dari segi kewangan.

Di negeri Kelantan terdapat dua jenis sekolah agama yang berlainan sistem; iaitu sekolah-sekolah menengah agama Kerajaan Persekutuan dan sekolah-sekolah agama di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan. Dengan demikian penulis akan memilih beberapa buah sekolah menengah agama sebagai sampel. Dan diharapkan ianya akan mencerminkan keadaan-keadaan yang terdapat di semua sekolah menengah agama di negeri Kelantan.

Bidang Kajian

Kajian ini berbentuk 'multi disciplinary' yang melibatkan bidang linguistik -khasnya linguistik terapan, bidang pendidikan - khususnya pendidikan Islam - dan lain-lain yang berkaitan. Di dalam menyelesaikan satu-satu masalah yang timbul penulis akan merujukkan masalah kepada falsafah pendidikan Islam, ini sesuai dengan bahasa Arab itu adalah bahasa rasmi bagi agama Islam.

Tempoh Kajian

Tempoh kajian yang terlibat ialah dari sebelum merdeka yang bermula dengan sistem pondok dan seterusnya kepada sistem

engajian yang baru yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan hingga ke tahun 1994. Dalam tempoh ini juga beberapa buah sekolah agama di Kelantan telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan ini juga memberi peluang kepada penulis untuk menilainya.

Metodologi Kajian

Di dalam menjalankan kajian ini penulis akan menggunakan beberapa cara di dalam pengumpulan data yang diperlukan, di antaranya :

.-Temuramah

Penulis akan menemuramah mereka yang ada hubungan dengan pengajaran bahasa Arab sama ada secara langsung atau tidak langsung antaranya ialah guru-guru - sama ada guru bahasa Arab atau guru matapelajaran lain yang mana bahasa pengantarnya bahasa Arab, pelajar-pelajar, ibu bapa dan lain-lain yang mempunyai sambutan dengan pembelajaran bahasa Arab.

Di dalam temuramah ini penulis seboleh-bolehnya akan merahsiakan tujuan sebenarnya temuramah ini daripada pengetahuan para responden. ini adalah untuk mengelak daripada jawapan yang tidak ikhlas daripada responden. Biasanya bila mengetahui temuramah itu diadakan untuk tujuan tertentu, responden akan memberikan jawapan-jawapan yang terbaik sahaja dan bukan merasaskan fakta-fakta sebenarnya.

pengajian yang baru yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan hingga ke tahun 1994. Dalam tempoh ini juga beberapa buah sekolah agama di Kelantan telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan ini juga memberi peluang kepada penulis untuk menilainya.

Metodologi Kajian

Di dalam menjalankan kajian ini penulis akan menggunakan beberapa cara di dalam pengumpulan data yang diperlukan, di antaranya :

-Temuramah

Penulis akan menemuramah mereka yang ada hubungan dengan pengajaran bahasa Arab sama ada secara langsung atau tidak langsung antaranya ialah guru-guru - sama ada guru bahasa Arab atau guru matapelajaran lain yang mana bahasa pengantarnya bahasa Arab, pelajar-pelajar, ibu bapa dan lain-lain yang mempunyai kaitan dengan pembelajaran bahasa Arab.

Di dalam temuramah ini penulis seboleh-bolehnya akan merahsiakan tujuan sebenarnya temuramah ini daripada pengetahuan para responden. ini adalah untuk mengelak daripada jawapan yang tidak ikhlas daripada responden. Biasanya bila mengetahui temuramah itu diadakan untuk tujuan tertentu, responden akan memberikan jawapan-jawapan yang terbaik sahaja dan bukan berdasarkan fakta-fakta sebenarnya.

2-Soalselidik

Penulis juga akan mengedarkan borang soalselidik kepada responden-responden yang terdiri dari pelajar-pelajar. Di atas borang itu nanti responden tidak diminta untuk menulis nama. Manakala jawapan bagi kebanyakan soalan itu telah disediakan oleh penulis terlebih dahulu. Responden hanya perlu memilih satu daripada beberapa jawapan itu yang ada kaitan dengan responden.

Cara di atas diambil adalah untuk mendapatkan kerjasama yang sepenuhnya dari pihak responden. Di samping itu juga dapat meringankan kerja-kerja menganalisis yang akan dilakukan oleh penulis, sesuai dengan peruntukan masa yang diberikan kepada penulis iaitu dua belas bulan sahaja.

Perkara-perkara yang akan dikemukakan di dalam borang soalselidik itu nanti antaranya latar belakang keluarga, persekolahan, minat terhadap bahasa Arab, masalah di dalam pelajaran dan lain-lain lagi yang dapat membantu ke arah tercapainya matlamat penyelidikan ini (lihat lampiran).

3-Bahan-bahan Bercetak

Penulis juga akan cuba mendapatkan bahan-bahan bercetak yang berkaitan dengan kajian ini untuk dianalisis. Adalah dijangka bahan bercetak ini tidak kurang pentingnya di dalam memberikan sumbangan kepada kajian ini.

4-Pemerhatian

Penulis akan cuba dengan sedaya upaya untuk berada di sekolah-sekolah, bilik-bilik darjah, bersama guru-guru untuk memerhati situasi yang terdapat di dalamnya yang ada kaitan dengan kajian ini.

5-Kajian Perpustakaan

Penulis akan melakukan kajian perpustakaan untuk mendapatkan prinsip-prinsip, teori-teori, kritik-kritik dan lain-lain.

Memandangkan . bahasa Arab ini adalah bahasa Al-Quran dan tujuan utama bagi pelajar-pelajar Malaysia mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami Al-Quran, maka terlebih dahulu penulis akan berusaha mendapatkan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh Al-Quran sendiri di dalam pembelajaran bahasa ini.

Di samping itu penulis juga akan cuba mendapatkannya dari sumber-sumber Hadis Nabi sesuai dengan peranannya sebagai penerang atau pentafsir kepada Al-Quran.

Penulis juga tidak akan melupakan kepada tulisan-tulisan yang telah dikemukakan oleh para ulama agung pada zaman silam mengenai pengajaran bahasa Arab ini.

I-Masalah Kajian

Di dalam menyiapkan kajian ini penulis tidak banyak menghadapi masalah cuma dari segi untuk mendapatkan kerjasama dari para responden. Foktor masa juga telah menimbulkan sedikit masalah kepada penulis.

J-Pembahagian Bab

Desertasi ini terdiri dari empat bab dan ianya adalah seperti berikut:

Bab Pertama: Pendahuluan diikuti dengan cadangan penyelidikan dan methodologi-methodologi yang digunakan, serta landasan teori.

Bab Kedua : Sejarah pengajaran bahasa Arab di Kelantan.

Bab Ketiga: Laporan penyelidikan.

Bab Keempat: Cadangan-cadangan dan penutup.

LANDASAN TEORI

Pendahuluan:

Bahasa merupakan salah satu wasilah komunikasi antara manusia. Walaupun selain daripada bahasa terdapat beberapa wasilah komunikasi yang lain, namun bahasalah yang paling penting dan paling berkesan untuk tujuan komunikasi.

Apa yang dimaksudkan dengan bahasa ialah perkataan-perkataan yang digunakan oleh manusia sama ada di dalam percakapan atau pun di dalam tulisan untuk menerangkan tentang kehendak dan keinginan mereka. Bahasa juga merupakan kurniaan Allah s.w.t. kepada manusia sahaja dan tidak kepada makhluk-makhluk-Nya yang lain. Dan bahasa Arab adalah salah satu daripada banyak bahasa yang digunakan oleh manusia di dalam percakapan mereka.

Bahasa Arab bukan sahaja digunakan di kalangan bangsa Arab di dalam lingkungan sempadan geografi yang tertentu, malah ianya merupakan bahasa sejagat yang digunakan dan dituturkan oleh banyak bangsa di dunia ini khususnya mereka yang beragama Islam, tidak kira di mana mereka berada. Di kalangan umat Islam kadar penggunaan bahasa Arab adalah berbeza-beza. Ada yang menggunakan bahasa Arab untuk tujuan ibadat semata-mata, ada yang menggunakan bahasa pengantar bagi berbagai ilmu

pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan Islam dan tidak kurang juga untuk keperluan sosial, ekonomi, politik dan lain-lain lagi.

Bagi umat Islam mempelajari bahasa Arab merupakan "fardu ain" bagi suatu peringkat, manakala di peringkat yang lain pula, mempelajarinya merupakan "fardu kifayah".

Dengan demikian pembelajaran bahasa Arab mestilah dititik-beratkan di semua peringkat yang bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Walau bagaimanapun penulis hanya akan membincangkan di sini tentang pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah sahaja.

Sebagai pengenalan, penulis terlebih dahulu membincangkan dengan ringkas tentang asal usul bahasa Arab, strukturnya serta perkembangannya dan disusuli dengan bidang pengajian bahasa Arab dan beberapa perkara lain yang berkaitan. Seterusnya penulis akan membincangkan tentang teori-teori pembelajaran bahasa Arab dan segala apa yang berkaitan dengannya.

Sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa penulis akan hanya membawa teori-teori pembelajaran serta pandangan-pandangan mengikut kacamata pendidikan Islam. Ini adalah kerana terdapatnya hubungan yang rapat di antara bahasa Arab dengan agama Islam itu sendiri, yang mana bahasa Arab merupakan bahasa rasmi bagi agama Islam, dan ianya juga merupakan nadi kepada perkembangan Islam itu sendiri.

Sejarah Bahasa Arab

Sejarah silam tentang perkembangan bahasa Arab tidak banyak diketahui. Sehubungan dengan ini seorang ahli linguistik Mesir Dr. Ibrahim Anis menyatakan di dalam bukunya "bila kita mula memikirkan tentang keadaan bahasa Arab sebelum Masihi ¹umpamanya, kita dapati diri kita berada di dalam kegelapan, ini lantaran tidak terdapatnya sebarang dokumen Arab bagi masa itu. Manakala dokumen yang paling lama sekali yang ditemui ialah yang bertarikh abad ketiga Masihi dan tidak lebih dari itu".

Kurangnya dokumen-dokumen maupun manuskrip yang seumpama itu mungkin disebabkan oleh meluasnya keadaan buta huruf di Semenanjung Arab di zaman itu.

Dokumen dan juga manuskrip yang paling lama sekali yang pernah ditemui ialah yang menunjukkan ianya dihasilkan dua abad ² sebelum Islam. Ianya dikenali dengan "الادب الجاهلي" iaitu Sastera Jahiliah.

Semenanjung Arab di zaman Jahiliah terbahagi kepada dua bahagian yang mana antara keduanya hampir terpisah dari segi kemasyarakatan dan kebudayaannya. Yang pertamanya terdiri dari Arab bertamadun, di Mekah, Yathrib (Madinah sekarang), bandar-bandar besar Yaman, negeri-negeri Hirah yang terletak di Selatan ³Iraq dan negeri-negeri Ghasasinah yang terletak di Utara Sham.

¹ Ibrāhīm Anīs, Fi Al-Lahajāt Al-‘Arabiyyat, (Mesir, Maktabat Al-Anglo Al-Masriyyat, 1965), cet.5, hal.33.

² Ibid.

³ Ibid, hal.36.

Manakala yang keduanya pula terdiri dari golongan Badawi yang berpindah randah dan tidak pernah menetap di sebarang tempat.¹

Semenanjung Arab pada masa itu merupakan batasan geografi yang terpisah di antara satu sama lain, ini menyebabkan terbentuknya banyak dialek bahasawan (dialek regional). Walau bagaimanapun setelah berlakunya penyatuan politik dan kebudayaan di antara suku kaum, mereka telah menjadikan Mekah sebagai pusat bagi kesatuan itu. Dengan demikian ketua-ketua suku kaum telah mula mengunjungi Mekah untuk mengunjungi rumah suci Allah serta mengerjakan haji. Manakala yang lain pula mengunjunginya untuk tujuan perdagangan. Dalam masa itu jugalah diadakan debat-debat kesusastraan, pertandingan syair, syarahan dan sebagainya.²

Para delegasi dan juga peserta di dalam majlis-majlis yang tersebut akan cuba mengelakkan dengan sedaya upayanya unsur-unsur dialek tempatan dan menggunakan bahasa standard - salah satu variasi dalam bahasa yang dapat diterima dan dipakai biasanya dalam penggunaan rasmi. Dengan berterusannya keadaan yang seumpama ini maka bersatu lah keseluruhan suku kaum Arab ini dibawah satu bahasa yang istimewa yang terbentuk dari perkataan-perkataan yang terpilih.³

Walau bagaimanapun setiap suku kaum masih lagi menggunakan dialek masing-masing di dalam hubungan sesama mereka sendiri.

1
Ibid.

2
Ibid.

3
Ibid.

Dengan yang demikian kita dapati bahawa asimilasi penyatuan bahasa di kalangan orang-orang Arab telah bermula sebelum kedatangan Islam lagi. Ini adalah kerana kemampuan seseorang di dalam menggunakan bahasa (*فصحي*) stonda merupakan kebanggaan bagi setiap orang Arab pada masa itu, sama ada ianya adalah seorang ketua suku kaum maupun ianya seorang rakyat awam.¹

Apabila datangnya Islam dan Al-Quran diturunkan di dalam bahasa Arab, ini telah menguatkan lagi penyatuan bahasa di kalangan orang-orang Arab.

Seterusnya Al-Quran dijadikan sebagai neraca utama bagi kefasihan bahasa Arab. Disamping itu syair-syair Jahiliyah dan syair-syair 'Mukhadram' (penyairnya hidup di dalam dua zaman, Jahiliyah dan Islam), juga hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para perawi yang mempunyai latar belakang bahasa Arab yang baik, juga dijadikan neraca kefasihan bahasa Arab.

Tulisan Arab

Tulisan Arab mempunyai ikatan yang kuat dengan agama Islam sama ada dari segi perkembangannya, kemampuannya dan lain-lain lagi. Di samping itu kesenian Islam juga banyak mempunyai kaitan dengan tulisan ini.³

1
Ibid.

2
Ibid.

3
Sya'bān 'Abdul 'Azīm, Qabsun Min Wahyi al-Lughat, (Mesir, Matba'ah Al-Amānat, 1402H/1983M), cet.1, hal.68.

Tulisan Arab juga telah memberikan sumbangan yang tiada tolak bandingnya di dalam perkembangan Islam. Ianya juga merupakan satu-satunya wasilah di dalam penulisan kalam Allah dan hadis-hadis Nabi s.a.w. Melalui penulisan seumpama inilah maka Al-Quran dan Hadis telah dapat disebar dengan meluasnya dan lebih senang untuk dipelajari.

Huruf-huruf yang dibentuk daripada perkataan Arab itu dinamakan huruf abjad (أبجد) iaitu mengambil sempena susunan asal huruf-huruf tersebut iaitu alif (ا), ba (ب), jim (ج), dal (د), ha' (ه), wau (و) dan seterusnya.¹ Manakala susunan abjad Arab yang terdapt pada hari ini adalah alif (ا), ba (ب), ta (ت), tha (ٿ) dan seterusnya sepertimana yang kita semua ketahui.

Walau bagaimanapun susunan asal abjad Arab itu masih digunakan di dalam beberapa perkara, terutama sekali di dalam menomborkan sesuatu ayat, baris, perenggan dan sebagainya.

Tulisan Arab telah tersebar dengan meluasnya di dunia ini iaitu dengan melalui penyebaran agama Islam itu sendiri, terutama sekali di rantau Asia dan Afrika. Di antara bahasa-bahasa dunia yang menggunakan tulisan Arab ialah Urdu, Afghan, Farsi, Turki Melayu dan lain-lain lagi.

1

Susun penuh bagi huruf abjad asal adalah seperti berikut.
أبجد هوز حطي كمن سعفص قرشت نخذ ضطغ
Lihat: Fu'ad Ifrām Al-Bustānī, Munjid Al-Tullāb, cet.33, (Lubnan, Dār Al-Masyrik, Lubnan, 1987), hal.1.

Sepertimana yang dilakukan oleh orang-orang Melayu, di dalam bahasa lain juga beberapa huruf lain telah ditambah ke atas huruf abjad Arab. Ini menjadikan bilangan huruf Arab berbeza di antara satu bahasa dengan satu bahasa yang lain. Ini dilakukan dengan tujuan untuk menyesuaikan atau pun melengkapkan huruf-huruf dengan bunyi yang ada pada bahasa-bahasa tertentu.

Tulisan Arab pada permulaanya tidak mempunyai titik maupun baris. Ini adalah kerana orang-orang Arab pada masa itu tidak memerlukannya, kerana bahasa Arab adalah bahasa mereka dan mereka berkeupayaan untuk membacanya dengan baik walaupun tanpa titik dan baris.

Apabila hubungan di antara Arab dan bukan Arab makin bertambah sama ada melalui kegiatan keagamaan, perdagangan, perkahwinan dan sebagainya, maka penyakit telor atau pun pencemaran bahasa mula meresap ke dalam masyarakat campuran ini. Kerana bimbangkan penyakit ini akan meresapi dan mempengaruhi bacaan Al-Quran, maka seorang ulama bahasa iaitu Abu al-Aswad al-Du'ali telah mengambil langkah mengenakan tanda bacaan ke atas setiap huruf atau pun membariskan Al-Quran.¹

Pada mulanya baris atas ditanda dengan satu titik di atas huruf yang berkenaan, manakala baris bawah dikenakan titik di bawah huruf dan baris depan dikenakan titik di depan huruf.² Manakala huruf mati ditinggalkan kosong tanpa sebarang tanda.

¹
Ibid.

²
Ibid.

Adapun tanda-tanda bacaan atau pun baris-baris sepertimana yang ada sekarang ini merupakan usaha atau pun pengubahsuaian yang telah dilakukan oleh Al-Khalil bin Ahmad Al-¹ Farahidi.

Di antara keistimewaan yang terdapat dalam tulisan Arab ialah, tidak memerlukan ruang yang luas, ini menjadikan penggunaannya lebih ekonomik sama ada dari segi masa dan usaha. Keduanya ialah ianya tidak mempunyai banyak bentuk dan yang membezakan di antara satu sama lain ialah titik. Ketiga ialah ianya boleh di bentuk di dalam banyak keadaan dan melahirkan seni yang cantik. Keempat ialah ianya mempunyai bentuk yang mudah yang mana ianya hanya terdiri dari garis lurus serta bulatan atau separuh bulatan.

Bidang Pengajian Bahasa Arab

Pembahagian pengajian bahasa Arab jika dilihat dari segi terasnya ianya hanya terbahagi kepada dua bahagian sahaja iaitu:

- a- Nahu dan Saraf.
- b- Balaghah.

Manakala di lihat dari segi cabangnya pula pembahagiannya adalah lebih luas yang mana ianya terdiri dari, Insya', Nusus, Mutala'ah, Adab, Ta'bir, Khat dan lain-lain lagi.

Di bawah ini diterangkan dengan ringkas mengenai dua bahagian teras pengajian bahasa Arab, sejarah, perkembangannya, kepentingannya dan beberapa perkara lain.

¹
Ibid.

Iahu:

Sebagai kesan daripada pembukaan Islam, hubungan dan pergaulan di antara orang Arab dan bukan Arab telah berlaku secara berterusan sama ada di rumah, di pasar, di masjid. Dari situ juga berlakulah kahwin campur, institusi keluarga yang menyebabkan mereka berada di bawah satu bumbung serta membentuk satu masyarakat dan satu bangsa yang terkumpul di dalamnya anak-anak kepada ibu dan bapa Arab, anak-anak kepada bapa Arab tetapi ibu bukan Arab, anak-anak kepada ibu Arab tetapi bapa bukan dari ¹ keturunan Arab dan juga anak-anak kepada hamba.

Keadaan yang demikian telah menyebabkan bahasa Arab telah diresapi oleh unsur-unsur keteloran. Sedangkan makna bagi sesuatu perkataan di dalam bahasa Arab bergantung kepada bacaan baris bagi huruf akhir setiap perkataan. Maka kesilapan di dalam membaca atau menyebut sesuatu perkataan dengan barisnya yang betul akan merosakkan makna. Apa yang lebih dibimbangkan lagi ialah keadaan yang sedemikian akan meresap ke dalam bacaan Al-Quran dan Hahis Nabi. Jika ini berlaku maka akan rosaklah segala kefahaman terhadap segala hukum hakam yang terkandung di dalam kedua-duanya. Maka dengan tujuan untuk memelihara kefahaman terhadap Al-Quran dan Hadis ini para ulama terdahulu ² telah mengasaskan suatu ilmu yang dinamakan dengan ilmu nahu.

¹

Muhammad Al-Tantawi, Nasy'at Al-Nahw Wa Tārīkh Asyhar Al-Nuhāt, cet.2, (Mesir, Matba'ah Al-Šā'ādah, 1389H/1969M), hal.

²

Ibid.

Ilmu nahu ini telah mula diasaskan di Iraq, kerana Iraq berletak di sempadan pedalaman dan merupakan tempat pertemuan di antara orang-orang Arab dan bukan Arab.¹

Ilmu nahu ini bolehlah diibaratkan seperti "hidupan" kerana semasa permulaannya ianya dilahirkan kecil dan terus membesar kemudiannya.

Di dalam pertumbesaran¹nya, ilmu nahu telah melalui empat peringkat, iaitu:

Peringkat pertama, merupakan peringkat pembentukan yang bermula dari zaman Abu Al-Aswad Al-Du'ali yang merupakan pengasasnya - dengan mendapat persetujuan serta sokongan dari Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. - hingga ke awal zaman Khalil bin Ahmad Al-Farahidi.

Peringkat yang kedua pula merupakan peringkat pertumbuhan dan perkembangan. Ini bermula dari zaman Al-Khalil bin Ahmad Al-Basri. Bermula dari peringkat inilah juga lahirnya ilmu saraf (morphologi).

Peringkat yang ketiganya pula merupakan peringkat matang dan sempurna. Di peringkat ini sempurnalah segala kaedah nahu hasil dari usaha yang telah dicurahkan oleh para ulama pada akhir-akhir abad ketiga hijrah.

¹
Ibid.

Manakala peringkat keempat dan terakhirnya pula adalah merupakan peringkat penyusunan dan pembukuan.

Balaghah

Perkataan **balaghah** berasal daripada kata kerja 'balagha' yang memberi makna **sampai**, **tiba**, **matang** dan beberapa makna lain lagi. Perkataan balagha digunakan untuk buah-buahan, contohnya: **balagha al-thamaru** (بلغ الثمر) memberi makna **masak** atau **ranum**. Apabila ianya digunakan kepada kanak-kanak atau remaja contohnya: **balagha al-ghulamu** (بلغ الغلام) memberi makna telah **akil baligh**, iaitu telah boleh dipertanggungjawabkan dengan ¹ hukum-hukum agama serta dosa pahala yang dilakukan.

Manakala pengertian balaghah dari segi istilahnya pula ialah, "Gambaran bagi percakapan dan penutur". Sesuatu percakapan itu dianggap mengandungi balaghah apabila ianya menepati apa yang diperlukan oleh percakapan. Manakala penutur pula dianggap mempunyai balaghah apabila ianya mempunyai bakat atau kebolehan di dalam dirinya yang membolehkan penutur menyusun percakapan dengan baik sesuai dengan keadaan dan keperluan disertai dengan ² kefasihannya di dalam menyampaikan mesejnya.

Atau dengan definisi lain: Penyampaian mesej dengan cara yang terang dengan menggunakan ungkapan yang betul dan fasih yang mana ianya akan memberikan suatu kesan yang menarik di dalam

¹

Fu'ad Ifrām Al-Bustāni, Munjid Al-Tullāb, cet.33, (Dar Al-Masyrik, Beirut 1986), hal.43; Lihat juga: Zain Al-Dīn Muhammad bin Abi Bakr Al-Rāzi, Mukhtār Al-Sihāh, (Lubnan, 1987), hal.63.

²

*Ali Al-Jārim dan Mustafā Amin, Al-Balāghah Al-Wādihat, (Cairo, Dar Al-Ma'ārif, t.tarikh), hal.8.

jiwa pendengar. Di samping tidak mengabaikan penyesuaian ¹ percakapan itu dengan masa dan tempat serta penerima mesej itu.

Di sini kita dapati ada sedikit perbezaan di antara 'fasahah' (kefasihan) dan balaghah. **Fasahah** atau pun **fasih berbahasa** maksudnya ialah: **nyata dan terang**. Ini sepertimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "...Dan saudaraku Harun lebih fasih lidahnya dariku".² Fasih merupakan kesumpurnaan artikulasi. Inilah yang agak berbeza dari balaghah. Kerana artikulasi adalah berkaitan dengan fonetik sahaja. Adapun balaghah ianya berkaitan dengan semantik.

Satu perkataan atau bidang kajian yang paling dekat dari segi maknanya dengan balaghah ialah 'retorik'. Walau bagaimanapun ilmu balaghah jauh lebih luas dan mendalam dari segi bidang kajiannya.

Pengajian balaghah berlainan dari pengajian ilmu nahu. Ahli-ahli nahu mengkaji dari aspek nahu dan kaedah-kaedah bahasa, manakala ahli-ahli balaghah pula menitikberatkan tentang rahsia-rahsia yang terdapat di sebalik perkataan, ayat-ayat, ungkapan-ungkapan serta keindahan dan kekuatannya, di samping makna yang tersurat. Kefahaman yang baik di dalam ilmu balaghah memungkinkan seseorang itu juga akan dapat memahami segala yang tersirat di dalam sesuatu teks itu dengan baik dan sempurna sepertimana yang dikehendaki oleh bahasa Arab itu sendiri.

¹
Ibid.

²
Sūrah Al-Qasas: ayat 34.

Di antara kitab-kitab yang pernah dihasilkan oleh para ulama Islam di dalam bidang ini antaranya ialah Majaz Al-Qur'an oleh Abu 'Ubaidah (206H), Al-Sina'atāin oleh Abu Hilal Al-'Askari (395H), Dala'il Al-I'jaz dan Asrar Al-Balaghah oleh Abdul Qahir Al-Jirjani (471), Miftah Al-'Ulum oleh Al-Sakkaki (626H), Al-Talkhis oleh Abdul Rahman Al-Qazwini dan lain-lain lagi.¹

Abdul Qahir Al-Jurjani merupakan seorang ulama yang telah memainkan peranan yang sangat besar di dalam memperkembangkan ilmu balaghah.² Selain dari kitab balaghah banyak lagi kitab-kitab lain yang dihasilkan oleh Abdul Qahir termasuk nahu dan feqah.

Apa yang membuatkan Abdul Qahir menjadi lebih terkenal dan disanjungi ialah peranannya di dalam memperkembangkan ilmu balaghah dengan mengemukakan banyak teori baru di dalam **al-bayan** dan **al-ma'ani**. Teori-teori mengenai **al-bayan** dimuatkan di dalam kitab Asrar Al-Balaghah, manakala teori-teori **al-ma'ani** pula dimuatkan di dalam kitab Dala'il Al-I'jaz. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 471H.³

¹ Al-Sayyid Rizq Al-Tawil, Mugaddimat Fi Usul Al-Bahth Al-'Ilmi Wa Tahqiq Al-Turāth, (Cairo, Dārul Hudā Lil Ṭiba'at, 1988), hal.117.

² Khair Al-Dīn Al-Zarkalī, Al-A'lām, (Beirut, Dar Al-'Ilm Lil Malāyīn), Juz.4, hal.48.

³ Syauqi Al-Daif, Al-Balāghah, Tatawwur Wa Tarikh, (Cairo, Dār Al-Ma'ārif), cet.4, hal.160.

Kepentingan Bahasa Arab

Di dalam membincangkan tentang kepentingan bahasa Arab, maka ianya boleh dilihat dari dua dimensi. Yang pertamanya dilihat bahasa Arab itu sebagai salah satu bahasa di antara banyak bahasa dunia, iaitu kepentingannya secara umum. Dan yang kedua dilihat bahasa Arab sebagai satu bahasa yang istimewa dan unik dari berbagai aspeknya. Maka ianya dibincangkan di dalam kepentingan bahasa Arab itu secara khusus.

Kepentingan Bahasa Arab Secara Umum:

Kepentingan bahasa Arab jika dilihat secara umum, ianya adalah sama sahaja dengan kepentingan bahasa-bahasa lain di dalam kehidupan manusia sehari-hari. Kerana ianya mempunyai fungsi dan memainkan peranan yang penting di dalam bidang-bidang sosial dan kemasyarakatan, kebudayaan, psikologi dan pemikiran. Melalui fungsi-fungsi itulah akan menampakkan kepada kita tentang peri pentingnya bahasa Arab itu.

Pembahagian fungsi seperti mana yang disebutkan di atas bukanlah bererti setiap fungsi itu memainkan peranannya secara bersendirian, bahkan fungsi-fungsi tersebut kadang kalanya berperanan serentak dan berkait antara satu sama lain. Di bawah ini dibincangkan kepentingan bahasa Arab mengikut fungsinya:

1

Muhammad Ṣāleḥ Samak, Fan Al-Tadrīs Lil Tarbiyat Al-Lughawiyat, Wa Intiba‘atiha Al-Maslakiyyat Wa Anmātiha Al-Amaliyyat, (Cairo; Maktabat Al-Anglo Al-Misriyyat, 1979), hal.20.

a- Fungsi-fungsi Sosial Dan Kemasyarakatan.

Bahasa Arab merupakan wasilah interaksi serta persefahaman secara timbal balik. Juga ianya merupakan wasilah ke arah memenuhi keperluan. Fungsi ini merupakan fungsi yang sangat luas sehingga boleh mengakupi segala fungsi lain yang akan disebutkan selepas ini. Melalui bahasa, seseorang itu akan dapat mengetahui serta memahami fikiran, kehendak serta perasaan orang yang berinteraksi dengannya. Dengan demikian seseorang itu akan dapat memahami dan mengetahui tentang keadaan masyarakat sekelilingnya serta alam dan persekitaran. Ini akan membolehkan seseorang itu mampu untuk menyesuaikan dirinya dengan masyarakatnya serta mampu untuk sama-sama berkembang dari semasa ¹ ke semasa.

Selain dari itu ianya juga merupakan ikatan kebangsaan yang kuat bagi setiap individu dengan bangsanya, dan juga merupakan salah satu faktor di dalam kekuatan politik dan sosial. Berhubung dengan ini Allah s.w.t. telah berfirman:

وَجَلَّتْكُنْ شُرُبَارِقَيْلَ لِتَعَارِفُوا

Maksudnya: "Dan aku jadikan kamu semua, terdiri dari berbagai ² bangsa dan suku-suku kaum dengan tujuan supaya kamu berkenalan".

Tidak syak lagi bahawa wasilah bahasalah yang membolehkan seseorang itu mengenali antara satu sama lain, antara suku-suku kaum maupun antara bangsa-bangsa.

¹ Saleh Samak, Ibid, hal.21.

² Al-Quran, surah Al-Ḥujurāt, 49:13.

Di samping itu ia juga menggambarkan tentang maju atau mundur bangsa itu. Ini adalah kerana bahasa merupakan asas yang penting di dalam penyusunan kehidupan sosial seseorang itu, serta menyusun hubungan yang mengaitkan antara satu sama lain. Melalui bahasa akan menampakkan kemajuan bangsa, sistemnya, adat istiadatnya, kepercayaannya, bentuk aktiviti pemikiran,¹ kebudayaan serta sikap pemikiran dan aliran fahamannya.

Dengan demikian jelaslah kepada kita bahawa bahasa Arab merupakan neraca ketamadunan yang tepat yang mana dengannya dapat diukur ketamadunan yang telah dicapai oleh bangsa Arab.

Sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa belum pernah ditemui sebarang dokumen ataupun manuskrip di dalam bahasa Arab yang kembali kepada tahun-tahun sebelum masih hidup atau sekitarnya. Dengan ini dapatlah dibuat andaian bahawa Bangsa Arab merupakan satu bangsa yang mundur pada zaman itu jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa yang sezaman dengannya.

Walau bagaimanapun dengan kedatangan Islam didapati manuskrip, dokumen, karya penulisan dan lain-lain di dalam berbagai bidang adalah terlalu banyak hingga tidak terkira dan tidak terhitung, sehingga didapati bangsa-bangsa lain telah

¹
Saleh Samak, Ibid.

berlumba-lumba mempelajari bahasa Arab dengan tujuan untuk memiliki sebanyak mungkin pengetahuan sepertimana yang dimiliki oleh orang-orang Arab yang beragama Islam itu.

b- Fungsi-Fungsi Sosio-Budaya.

Dari aspek sosio-budaya pula bahasa Arab memainkan peranan yang penting iaitu dengan merakamkan segala perkembangan warisan silam yang terdiri dari ilmu pengetahuan, seni, sastera dan lain-lain lagi. Dengan demikian dapatlah ianya ditatapi, dikaji dan diwarisi oleh generasi yang terkemudian, generasi demi generasi. Segala kemajuan yang dicapai oleh orang-orang Arab pada hari ini adalah hasil dari peranan yang dimainkan oleh bahasa Arab itu sendiri.¹

c- Fungsi-Fungsi Psikologi

Di antara fungsi psikologi bagi bahasa Arab maupun manapun bahasa ialah ianya digunakan di dalam mempertingkat atau memimpin naluri serta pemikiran. Kerana bahasa memberi kesan serta mempengaruhi jiwa pendengar seterusnya memberikan tindak balas.²

d- Fungsi-Fungsi Pemikiran

Fungsi bahasa di dalam pemikiran ialah kerana bahasa itu merupakan salah satu faktor di dalam pertumbuhan fikiran

¹
Ibid.

²
Ibid.

seseorang. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa kekurangan perbendaharaan kata merupakan halangan di dalam berfikir. Seseorang itu tidak dapat berfikir dengan sempurna sekiranya tidak mempunyai bekalan perbendaharaan kata yang mencukupi. Bahasa bukanlah hanya terdiri dari apa yang dicakapkan, ditulis, didengar ataupun dibaca, akan tetapi ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan pemikiran. Bahkan bahasa merupakan wasilah pemikiran atau pun acuannya. Di kalangan ahli psikologi pula berpendapat ¹ bahawa bahasa dan pemikiran itu merupakan perkara yang sama.

Sehubungan dengan ini seorang penyair Arab telah mengemukakan pendapatnya mengenai hubungan atau kedudukan bahasa ² dan pemikiran, di dalam bait syairnya:

ان الكلام لفي الفواد إنما جعل اللسان على الفواد دليلاً

Maksudnya: Sesungguhnya percakapan itu berlaku di dalam lubuk hati, tetapi dijadikan lidah untuk menunjukkan apa yang di dalam hati (fikiran).

Untuk menerangkan maksud ini juga Allah swt. telah berfirman:

وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكُنْ مَا تَمَدَّثَتْ فُؤُلُوكُمْ

Maksudnya: 'Dan tidak ada dosa di atas kesalahan kamu, tetapi yang ada dosanya ialah apa yang disengaja oleh hatimu ³ (fikiranmu).

¹
Ibid.

²
Saleh Samak, hal.29.

³
Al-Quran, sūrah Al-Ahzab, 33:5.

Kepentingan Bahasa Arab Secara Khusus

Di dalam membincangkan tentang kepentingan bahasa Arab secara khusus ini penulis akan menilainya dari beberapa sudut. Antaranya ialah bahasa Arab itu adalah bahasa ibadat kepada umat Islam, bahasa Al-Quran, bahasa Hadis Nabi dan seterusnya bahasa bagi segala ilmu pengetahuan Islam serta bahasa bagi ketamadunan Islam itu sendiri.

a- Bahasa Arab Bahasa Ibadat

Bahasa Arab merupakan bahasa rasmi bagi agama Islam. Dan tidak syak lagi bahawa pembelajaran bahasa Arab di kalangan umat Islam merupakan suatu yang wajib.

Rukun Islam yang pertama ialah mengucap dua kalimah syahadat. Ucapan dua kalimah syahadat itu dilakukan di dalam bahasa Arab. Di dalam pengucapannya itu seseorang itu hendaklah mengetahui akan makna yang diucapkannya itu, barulah pengakuan yang terkandung di dalam ucapannya itu menjadi pengakuan yang sebenar yang lahir dari lubuk hati orang yang mengucapkannya. Sekiranya tidak maka ucapannya itu tidak memberi sebarang makna atau kesan daripada perbuatan itu.

Di dalam menunaikan sembahyang lima waktu segala lafaz dan sebutan hendaklah dilakukan di dalam bahasa Arab. Bermula dengan takbiratul ehram sehingga ke pada salam, bacaan-bacaan Al-Quran - yang terdiri dari al-Fatiyah dan surah-surah -, doa-doa, pujian-pujian, tasbih-tasbih serta segala percakapan yang dilakukan oleh seorang hamba dengan tuhannya itu, kesemuanya

dilakukan di dalam bahasa Arab. Jika seseorang itu menyelitkan sesuatu perkataan asing selain dari bahasa Arab di dalam sembahyangnya, maka akan tertolaklah sembahyangnya itu, dan tidak akan diterima oleh Allah. Sehubungan dengan ini Al-Imam Al-Syafie r.a. mengatakan bahawa mempelajari surah al-Fatihah yang telah diturunkan di dalam bahasa Arab itu - sekurang-kurangnya untuk memenuhi syarat dan rukun sembahyang - merupakan suatu yang wajib ke atas setiap individu.¹

Memandangkan sembahyang lima waktu itu merupakan perkara yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim, maka sesuatu yang berkaitan di dalam pelaksanaan sesuatu yang dituntut dan wajib itu adalah juga dituntut. Sehubungan dengan ini para ulama usul telah mengenakan satu kaedah yang berbunyi:²

Maksudnya: Setiap benda yang tidak dapat disepurnakan sesuatu yang wajib melainkan dengannya ianya juga adalah wajib.

Seseorang yang berdoa dengan doa-doa peninggalan Rasulullah s.a.w. di dalam bahasa itu, sekiranya ianya tidak mengetahui dan tidak memahami makna apa yang diucapkannya itu, maka kehussyukannya di dalam berdoa itu tidaklah sama dengan mereka yang memahaminya.

1

Ahmad 'Isa 'Asyor, Al-Fiqh Al-Muyassar Fi Al-'Ibādāt Wa Al-Mu'amalāt, cet.4, (Cairo, Maktabat Al-I'tisam, 1979), hal.92.

2

Muhammad bin Idris Al-Syafi'e, Al-Umm, Juz.1, (Beirut, Dar Al-Ma'rifa), t.t.), hal.102.

3

'Ali Hasbullah, Usūl Al-Tasyrī Al-Islāmi, cet.5, (Mesir, Dār Al-Ma'ārif, 1396H/1976M), hal.356.

Berhubung dengan sembahyang, para ulama telah mengesahkan bahawa Abu Hanifah telah menarik balik fatwanya yang membolehkan seseorang itu sembahyang dengan menggunakan bahasa Farsi, jika ianya tidak mampu berbahasa Arab. Nuh bin Abi Maryam telah meriwayatkan, bahawa seseorang yang tidak mampu berbahasa Arab hendaklah diam sahaja ketika sembahyang, dengan hatinya mengingati Allah. Syarat membaca digugurkan daripadanya sementara dia mampu berbuat demikian. Manakala kewajipan mempelajarinya untuk memenuhi rukun itu tetap kekal.

Selain dari itu Al-Quran diturunkan di dalam bahasa Arab. Maka terjemahannya ke dalam bahasa-bahasa lain tidak lagi dianggap sebagai Al-Quran. Allah s.w.t. telah menentukan bahawa membaca Al-Quran merupakan suatu ibadat yang telah dijanjikan ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. Manakala mereka yang membaca terjemahan Al-Quran tidaklah dianggap sebagai beribadat membaca Al-Quran.² Membaca Al-Quran tanpa mengetahui makna dan maksudnya pun telah dijanjikan ganjaran oleh Allah, apatah lagi membacanya dengan memahami segala apa yang terkandung di dalamnya, yang memberikan peluang untuk seseorang itu menghayati ajaran Al-Quran.

¹ Sa'īd Isma'īl 'Ali, Usul Al-Tarbiyat Al-Islāmiyyat, Dar Al-Thaqafat Lil Tibā'at Wa Al-Nasyr, Cairo, 1978, hal.13.

² Ṣubḥi Al-Saleh, Mabāhith Fi 'Ulūm Al-Qur'ān, (Beirut, Dār Al-'Ilm Lilmalāyīn, 1974), hal.21.

b- Bahasa Al-Quran

Al-Quran Al-Karim merupakan sumber rujukan yang pertama kepada segala bidang pengetahuan di dalam Islam. Kepercayaan kepada Al-Quran merupakan salah satu daripada rukun iman, sepetimana yang telah disebutkan oleh Allah s.w.t. di dalam firman-Nya yang berbunyi:

عَمِّنْ أَرْسَلْتُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِ وَالْمُرْسَلُونَ كُلُّهُمْ أَمِنُوا بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَرَسْلِهِ¹.

Maksudnya: 'Telah berimanlah Rasul dengan apa yang diturunkan kepadanya, dan kesemua orang-orang mukmin beriman dengan Allah dan malaikat-malaikatNya, kitab-kitab-Nya dan para rasul-Nya'.

Apa yang dimaksudkan dengan kitab-kitab di atas ialah kitab-kitab yang telah diturunkan kepada rasul-rasul yang terdiri dari Taurat, injil, zabur. Dan yang akhir sekali ialah Al-Quran Al-Karim yang telah diturunkan kepada Saidina Muhammad s.a.w.

Jika seseorang itu tidak memahami bahasa Al-Quran maka agak sukarlah baginya untuk memahami segala isi kandungannya. Maka keimanannya kepada Al-Quran tidak akan banyak memberi panduan kepadanya tanpa perantaraan yang lain.

Sedangkan orang-orang Arab sendiri yang hidup di dalam persekitaran Arab agak sukar untuk memahami Al-Quran yang diturunkan di dalam bahasa Arab 'fusha' itu, apatah lagi bagi

1

Al-Quran, surah 2:285.

orang-orang Melayu yang bahasa ibundanya yang jauh terpisah bahkan langsung tiada pertalian keluarga dengan bahasa Arab. Di samping itu kedudukan negeri-negeri Melayu ini sendiri jauh terpisah dan terletak di dalam lingkungan geografi yang amat berbeza.

Dengan demikian adalah amat penting bagi orang-orang Islam mempelajari bahasa Al-Quran itu secara khusus demi meningkatkan lagi tahap keimanan mereka terhadap Allah s.w.t. serta kitabNya yang mulia itu.

Imam Syafi'e r.a. pernah menyebut bahawa "segala apa yang di katakan oleh ummah di dalam menerangkan "al-sunnah" serta keseluruhan "al-sunnah" merupakan penerangan kepada Al-Quran".¹ Ini bermakna, mengenepikan Al-Quran di dalam mana-mana kajian ilmiah yang mendalam di dalam Islam merupakan suatu pekerjaan yang tidak boleh diterima oleh akal dan juga tidak boleh diterima oleh sebarang metodologi penyelidikan pada hari ini.²

Berhubung dengan penurunan Al-Quran itu di dalam bahasa Arab oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. banyak ayat-ayat Al-Quran itu sendiri yang telah menerangkan mengenainya:

1

Badr Al-Din Muhammad bin 'Abdullah Al-Zarkasyi, Al-Burhān Fi 'Ulūm Al-Qur'an, Ed. Abi Al-Fadl Ibrāhīm, cet.2, (Cairo, Maktabat 'Isa Al-Bābī Al-Ḥalabī, t.t.), hal.1-6.

2

Perihal Pentingnya Bahasa Arab Dalam Pengajian Islam, Oleh: Abdullah Tahmin bin Haji Abdul Latif, dalam Majalah Pengajian Arab Bil.1, Pusat Bahasa Universiti Malaya, 1991, hal.41.

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فُرْقَةً نَاعِرِيًّا إِعْلَمُكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: "Sesungguhnya kami menurunkannya berupa Al-Quran dengan berbahasa Arab agar kamu memahaminya".¹

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا

Maksudnya: "Dan demikianlah kami telah menurunkan Al-Quran itu sebagai peraturan (yang benar) di dalam bahsa Arab".²

وَلَقَدْ نَصَّلَمْ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِشْمَائِيلِيَّةً بَشَرٌ لِسَاتُ الَّذِي يُتَحْمِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيُّ
وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ ثَمِيقٌ

Maksudnya; "Dan sesungguhnya kami mengetahui bahwa mereka berkata sesungguhnya Al-Quran diajarkan oleh seorang manusia kepadanya (Muhammad). Pada hal orang yang mereka tuduhkan (bahawa) Muhammad belajar kepadanya bahasa Ajam. Sedangkan Al-Quran adalah bahasa Arab yang terang".³

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ فُرْقَةً نَاعِرِيًّا .. .

Maksudnya: "... Dan demikianlah kami menurunkan Al-Quran dalam bahasa Arab".⁴

وَلَئِنْ كَنَزِيلَ رَبِّ الْمَلَائِكَ تَزَلَّلَ بِالرُّوحِ الْأَدِيمِ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنْذِرِينَ يُلَسَّانٌ عَرَبِيٌّ ثَمِيقٌ

Maksudnya: "Dan Sesungguhnya Al-Quran ini benar-benar diturunkan

¹ Al-Quran, sūrah Yūsuf 12:2

² Al-Quran, sūrah Al-Ru'ād 13:37.

³ Al-Quran, sūrah Al-Naml 16:103.

⁴ Al-Quran, sūrah Taha 20:113.

oleh tuhan semesta alam. Al-Quran dibawa turun oleh Jibrail ke dalam hatimu (Muhammad) agar kamu menjadi salah seorang di antara orang-orang yang memberi peringatan. Al-Quran diturunkan ¹ di dalam bahasa Arab yang jelas".

تَرِيلُّ بِنَ الرَّجْمَنِ الرَّجِيمِ كِتَابٌ فُصِّلَتْ مَا يَنْهَا فَرِمَّا نَعَّرِيْكَ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Diturunkan dari Tuhan yang maha pemurah lagi maha penyayang. Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya iaitu bacaan ² di dalam bahasa Arab, untuk kaum yang mengetahui".

Sehubungan dengan ini juga sabda Rasullah s.a.w.

أَحَبُّوا الْعَرَبَ ثَلَاثَةِ، لَأَنَّى عَرَبِيًّا وَالْقُرْآنُ عَرَبِيًّا وَكَلَامُ أَهْلِ الْجَنَّةِ عَرَبِيًّا

Maksudnya: "Mereka menyayangi Arab kerana tiga perkara. Kerana aku orang Arab, dan Al-Quran berbahasa Arab dan percakapan ahli-ahli ³ syurga adalah di dalam bahasa Arab".

Bahasa Al-Quran bukan sahaja merupakan bahasa Arab bahkan ianya merupakan yang tertinggi dari segi kefasihan dan balaghahnya, bahkan ianya merupakan mukjizat bagi Rasulullah s.a.w. Sehubungan dengan ini Allah s.w.t. telah berfirman:

وَإِنْ كَثُرْتُمْ فِي رِبِّ مَسَارِّنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأَنْتُمُ ۖ سُورَةٌ مِّنْ نَّصْلِهِ ۖ وَذَعْرَافُ شَهَدَ آكِمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ عَزَّ ذَلِقَيْنَ

فَإِنْ لَمْ تَقْعِلُوا وَلَنْ تَقْعِلُوا فَأَنْتُمُ أَنَّارَ أَلَّيْ ۖ وَفُؤُدُهَا النَّاسُ وَالْجَاهَةُ أَعْدَتْ لِلْكَافِرِينَ

¹

Al-Quran, sūrah Al-Syūrāā 26:193 - 195.

²

Al-Quran, sūrah Fussilat 41:2-3.

³

Al-Hafiz Al-Sayuti, Al-Jāmi' Al-Saghir, Juz.1, (Mesir, Maṭba'at Al-Maimaniyyat, 1321H), hal.9.

Maksudnya: "Dan jika kamu tetap dalam keraguan tentang Al-Quran yang kami wahyukan kepada hamba kami (Muhammad), buatlah atau bawalah satu surah sahaja yang seumpama dengannya dan ajaklah penolong-penolong kamu selain dari Allah jika kamu orang-orang yang benar. Sekiranya kamu tidak melakukannya - pasti kamu tidak dapat melakukannya - maka peliharalah dirimu dari api neraka, yang mana bahan bakarnya adalah manusia dan batu, yang disediakan untuk orang-orang kafir".¹

Mengenai khilaf ulama tentang beberapa perkataan yang dianggap bukan berasal dari perkataan Arab; antaranya perkataan al-misykat (مشكاة), kafur (كافر) dan beberapa perkataan lain lagi. ini sekali-kali tidak menggugat kearaban Al-Quran itu. Kerana bilangan perkataan-perkataan yang seumpama itu adalah terlalu kecil yang hanya terdiri dari beberapa perkataan sahaja. Lagipun orang-orang Arab telah mencarumkan perkataan itu ke dalam bahasa mereka. Di samping itu memberi dan mengambil merupakan fenomena biasa di dalam sesuatu bahasa.²

Para ulama telah mensyaratkan kepada sesiapa yang ingin mentafsirkan Al-Quran mestilah terlebih dahulu mempelajari serta mendalami segala ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab. Atas dasar inilah didapati keseluruhan mereka yang bergelar ulama Islam di zaman silam merupakan pakar di dalam bahasa Arab di semua cabang yang berkaitan dengannya.

¹ Al-Quran, sūrah Al-Baqara 2:23-24.

² Zakariyya Al-Birri, Uṣūl Al-Fiqh Al-Islāmi, juz.1, (Cairo, Maktabaat Wa Maṭba‘at Al-Nahdat Al-‘Arabiyyat, 1971), hal.18.

c- Bahasa Hadis

Makna Hadis atau pun al-Sunnah mengikut istilah yang diberikan oleh ahli-ahli hadis ialah " semua yang datang dari Nabi Muhammad s.a.w. yang terdiri dari percakapan, perbuatan dan perakuannya serta sifat dan perangainya juga sirahnya, sama ada ia¹nya berlaku sebelum be'thah atau pun selepasnya".

Mengikut istilah para ulama usul fiqh pula ialah: "Semua apa yang keluar ataupun lahir dari Nabi Muhammad s.a.w. selain dari Al-Quran Al-Karim, sama ada percakapan, perbuatan, perakuan² yang boleh dijadikan dalil kepada hukum syara'".

Manakala para fuqaha' pula telah memberikan pengertian al-sunnah atau pun hadis seperti berikut: "Semua yang sabit dari Nabi Muhammad s.a.w. dan tidak terdiri dari fardu atau wajib. Ianya merupakan jalan ikutan di dalam agama tanpa iftirad³ (mewajibkan) .

Dari apa yang dikemukakan itu didapati hadis atau sunnah⁴ itu terbahagi kepada tiga iaitu:

1- Sunnah Qauliyyat: iaitu hadis-hadis yang di tuturkan oleh Rasulullah. Seperti hadis:

¹ Sa'īd Isma'īl 'Alī, Ibid, hal.57.

² Ibid.

³

Muhammad 'Ijāj Al-Khatib, Al-Sunnat Qabl Al Tadwīn, (Beirut, Dar al-Fikr, 1971), hal.15.

⁴ Sa'īd Isma'īl 'Alī, Al-Tasawwur Al-Nabawī Li Al Syakhsiyat Al-Sawiyyat, (Cairo, Dar Al-Thaqāfat Li Al-Tiba'aṭ Wa Al-Nasyr, 1979), hal.13.

إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ مانسو ... إلى آخر الحديث

- 2- Sunnah Fe'liyyat: iaitu apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Seperti makan minumnya, amal ibadatnya serta urusan jual belinya dan lain-lain lagi.
- 3- Sunnah Taqririyyat: iaitu nabi tidak melarang sesuatu perbuatan yang dilakukan di hadapannya atau dengan pengetahuannya. Seperti perbuatan memakan 'dab' oleh sahabat baginda di hadapan baginda.

Kesemua sunnah di atas dirakamkan dalam bahasa Arab. Sunnah Qauliyyat adalah Arab. Kerana iannya dituturkan oleh nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang merupakan satu-satu bahasa yang diketahui oleh baginda. Manakala sunnah fe'liyyat dan taqririyyat juga diriwayatkan oleh perawi-perawi yang menggunakan bahasa Arab dan tidak sekali-kali mereka menggunakan bahasa lain selain dari bahasa Arab. Sama ada di peringkat sahabat atau pun tabi'in. Dan segala hadis atau sunnah yang sampai kepada kita pada hari ini kesemuanya di dalam bahasa Arab.

d- Bahasa Bagi Sumber-Sumber Lain Bagi Pengetahuan Islam

Setelah sumber pertama dan kedua bagi segala pengetahuan Islam datangnya di dalam bahasa Arab maka lumrahnya sumber-sumber lain yang lahir dari kedua-duanya itu, juga di dalam bahasa Arab. Terutama sekali kitab-kitab tafsir yang dikarang oleh ulama Islam yang terulung yang tiada tandingnya dari segi keunggulan

mereka ini. Antara kitab-kitab tafsir yang unggul yang senang didapati di mana-mana perpustakaan Islam antaranya ialah; Tafsir Al-Tabari, Al-Baghawi, Ibnu Kathir, Al-Jawahir, Al-Sayuti, Al-Razi, Al-Baidawi, Al-Nasafi, Al-Jalalin, Al-Jassas, Al-Qurtubi, Al-Zamakhsyari dan lain-lain lagi.

Manakala kitab-kitab tafsir semasa juga seperti tafsir Al-Manar, Al-Maraghi, Al-Zilal, Al-Jauhari dan lain-lainnya kesemuanya dikarang dan dibukukan di dalam bahasa Arab.

Keadaan yang sama juga didapati di dalam bidang fiqh, tauhid dan lain-lain lagi, boleh dikatakan kesemua kitab fiqh yang unggul yang dikarang oleh ulama silam, dikarang dan dibukukan di dalam bahasa Arab, antaranya ialah; Al-Umm dan Al-Risalah oleh Imam Syafi'e, Al-Kharaj oleh Abu Yusof bin Ya'kob, Al-Amwal oleh Abu 'Ubaid, dan banyak lagi yang lain. Manakala di dalam bidang tauhid pula antaranya ialah; Kitab Al-Tauhid oleh Abu Mansur, Zad Al-Ma'ad oleh Ibnu Qayyim Al-Jauziyyat, Syarh Al-'Aqidat oleh Ibn Taimiyat dan banyak lagi yang lain di dalam berbagai cabang Islam.

Dengan demikian dapatlah dikatakan bahawa kesemua rujukan utama bagi semua cabang dan bidang di dalam pengajian Islam adalah terdiri dari kitab-kitab yang ditulis di dalam bahasa Arab. Sehubungan dengan ini Al-Syatibi berkata; "Syariah Islam ini adalah berbahasa Arab dan ianya tidak ada kena mengena dengan bahasa Ajam (bukan Arab).¹

¹ Lihat: Abdullah Tahmin, "Peri Pentingnya Bahasa Arab Dalam Pengajian Islam, Dalam Majalah Pengajian Arab, bil.2, 1991, hal, 47.

Memandangkan kepada pentingnya bahasa Arab di dalam pengajian dan pengkajian Islam maka kita dapati ramai para orientalis barat telah menghabiskan masa bertahun-tahun di dalam mempelajari bahasa Arab, semata-mata untuk memahami Islam dengan baik. Mereka ini telah cuba memahami Islam dengan tujuan untuk mencari tempat yang sesuai yang boleh mereka racuni pemikiran umat Islam seterusnya merobohkan Islam itu sendiri dari dalam.

Di dalam usaha mereka untuk menghancurkan Islam melalui bahasa Arab pula, mereka menyeru ke arah mempelajari bahasa Arab **‘Āmmiyah** iaitu bahasa pasar yang berbeza dari bahasa Arab Al-Quran - bahkan ianya tidak boleh digolongkan di dalam bahasa Arab -. Kemudian mereka berusaha menyeru orang-orang Islam supaya menulis bahasa Arab dengan menggunakan huruf rumi dan seterusnya menggalakkan negara-negara Islam menggunakan huruf rumi ¹ menggantikan huruf Arab.

Dari apa yang dikemukakan di atas, jelaslah kepada kita tentang pentingnya bahasa Arab sama ada di dalam menunaikan ibadat, memahami isi kandungan Al-Quran dan Hadis Nabi serta sumber-sumber pengetahuan Islam yang lain.

Berasaskan perkara-perkara di atas, mengajar dan mempelajari bahasa Arab juga boleh dianggap sebagai berjihad di jalan Allah. Untuk itu perlulah bagi setiap Muslim memberi pengorbanan yang sesuai, sama ada tenaga, wang ringgit dan lain-lain di dalam memajukan bahasa Al-Quran ini.

¹ Mujāhid Muṣṭafa Bahjat, "Al-ruh Al-Islamiyyat Fi Ta‘līm Al‘Arabiyyat" dalam Seminar Antara-Bangsa Pengajaran Arab, Riyad.

Teori Asas Pembelajaran Di Dalam Pendidikan Islam

Sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa pengetahuan agama Islam berteraskan daripada beberapa sumber asas yang terdiri dari Al-Quran, Al-Sunnah, Qias dan Ijma' iaitu yang terdiri dari pandangan ulama yang disepakati.

Pendidikan Islam merupakan salah satu cabang di dalam agama Islam, maka sumber-sumber utamanya juga merupakan sumber Islam itu sendiri.

Sebelum ini telah dibincangkan mengenai kearaban Al-Quran Hadis Nabi serta beberapa sumber Islam yang lain, maka di sini dibincangkan pula tentang teori-teori pembelajaran yang telah dikemukakan oleh Al-Quran, Al-Sunnah serta teori-teori yang telah diperkembangkan oleh para ulama Islam, yang juga berpandukan kepada teori-teori Al-Quran dan Al-Sunnah.

Di sini perbincangan dimulakan dengan pengenalan Al-Quran dan teori-teori pembelajaran yang terdapat di dalamnya, kemudian disusuli dengan Al-Sunnah.

AL-QURAN AL-KARIM

Berbagai definisi telah diberikan kepada Al-Quran. Walau bagaimanapun dikemukakan di sini satu sahaja definisi iaitu definisi yang telah dipersetujui oleh seluruh para ulama usul, ulama fiqh dan ulama bahasa Arab; yang berbunyi: "Al-Quran merupakan kalam yang bermukjizat yang telah diturunkan ke

atas Nabi Muhammad s.a.w.. Al-Quran tertulis di dalam mashaf-mashaf dan dipindahkan secara tawatur, menjadi ibadat dengan membacanya".¹

Al-Quran itu dikatakan mengandungi mukjizat, kerana Allah s.w.t. telah mencabar semua manusia supaya mengadakan satu Quran lain yang seumpamanya, maka ternyata tidak seorang pun yang mampu melakukannya. Allah s.w.t. telah berfirman:

قُلْ لَّيْسَ الْأَنْشَاءُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِسْتِيلٍ هَذَا الْقُرْآنَ لَا يَأْتُونَ بِسْتِيلِهِ وَلَوْكَاتٌ تَتَضَعَّمُ لِتَعْنَيْفِ ظَهِيرَةِ

Maksudnya: "Katakanlah, sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa dengan Al-Quran ini, nescaya mereka tidak dapat membuat yang serupa dengannya. Sekalipun sebahagian dari mereka membantu yang lain".²

Setelah ternyata mereka tidak mampu melakukannya, maka Allah s.w.t. mencabar mereka buat kali yang kedua dengan hanya meminta supaya mereka mengadakan sepuluh surah sahaja di dalam firmanya:

أَمْ يَقُولُونَ أَقْرَبُهُ مُلْ كَانُوا يَسْتَشِرُونَ رَبَّهُمْ فَلَمْ يَرْجِعُنَّ رَأْدَعْوَاهُمْ أَنْ تَسْتَطِعُهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كَفَرُوا مَعْدِقِينَ فَإِلَّا يَسْتَجِيْبُ الْكُمْ فَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ مِنَ الْآَنْهَارِ فَهَلْ أَنْشَأَ مُسْلِمُوْرَ

Maksudnya: "Bahkan mereka mengatakan: Muhammad telah membuat Al-Quran itu. Katakanlah (kalau demikian), bawalah sepuluh surah yang dibuat yang menyamainya, dan panggillah orang-orang yang

¹ Subhi Al-Shaleh, Ibid, hal.21

² Al-Quran, surah al-Isra' 17:88.

kamu sanggup, selain dari Allah sekiranya kamu orang-orang yang benar. Jika mereka yang kamu seru itu tidak menerima seruanmu itu, maka ketahuilah sesungguhnya Al-Quran itu diturunkan dengan ilmu Allah dan bahwasnya tiada tuhan selain dari dia (Allah),
¹ maka mahukah kamu berserah diri".

Kemudian Allah mencabar mereka bagi kali yang ketiga, iaitu dengan meminta mereka mengadakan satu surah sahaja - iaitu mana-mana surah sahaja walaupun pendek. Mereka itu juga tidak mampu untuk melakukannya. Ini seperti mana firman Allah:

أَمْ يَقُولُونَ أَنَّهُنَّ قُلْ قَاتُلُوا إِشْرَاعَةٍ تَنْتَلِيُوْ وَأَدْعُوا مِنْ أَنْتَكْتُفْتُمْ مِنْ دُونَ أَسْوَانَ كُثُمْ صَدِيقَتْ
بَلْ كَذَّبُوا بِمَا لَمْ يُحِيطُوا بِعِلْمِهِ وَلَمْ يَأْتِهِمْ تَأْوِيلَهُ كَذَّلِكَ كَذَّبَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَانْظُرْ كَيْفَ كَانَ عَيْنَيْهِ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Atau mereka mengatakan, Muhammad membuat-buatnya. Katakanlah: cubalah adakan satu surah seumpamanya dan panggilah sesiapa yang dapat kamu panggil, sekiranya kamu benar. Yang benarnya mereka mendustakan apa yang mereka belum mengetahuinya dengan sempurna. Padahal belum datang kepada mereka penjelasannya. Demikianlah orang-orang yang sebelum mereka telah mendustakan (Rasul). Maka perhatikanlah bagaimana akibat orang-
² orang yang zalim itu.

Ciri-ciri Khas Al-Quran

Al-Quran mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri yang membezakannya dari kitab-kitab samawi yang lain serta membezakannya dari hadis Nabi, dan ianya diringkaskan seperti berikut:

¹ Al-Quran, surah Hud 11:13-14.

² Al-Quran, surah Yunus 10:38-39.

- 1- Diturunkan di dalam bahasa Arab.
- 2- Al-Quran merupakan sekumpulan perkataan Arab yang diwahyukan kepada Rasulullah. Inilah yang membezakannya dari hadis. Kerana hadis adalah dari Rasulullah.
- 3- Al-Quran disampaikan kepada kita dengan cara tawatur, iaitu dari satu kumpulan manusia kepada satu kumpulan ataupun dari satu jenerasi ke satu generasi.

Turunnya Al-Quran

Sayidatuna Aisyah telah meriwayatkan bahawa Rasulullah telah mula cenderung untuk menyendiri dan dipilihlah Gua Hira' - yang terletak di kemuncak bukit 'Al-Nor' sebagai tempatnya. Di sana beliau agak jauh dari masyarakat Mekah yang menyembah berhala, serta jauh juga dari kesibukan dunia. Pada malam 17hb. Ramadan bersamaam Februari 610M, wahyu yang pertama telah diterima oleh Nabi Muhammad dari Allah s.w.t. melalui Jibril Alaihissalam, yang terdiri dari awal surat 'Al-Alaq' hingga ke ¹ ayat yang kelima.

Wahyu yang pertama ini telah memberikan pengkaedahan yang besar di dalam pembelajaran, sepetimana yang akan diterangkan selepas ini.

¹ Sa'īd Isma'īl 'Alī, Usul Al-Tarbiyat Al-Islāmiyyat, hal.15

Al-Quran Sebagai Sumber Pendidikan

Al-Quran telah diturunkan oleh Allah s.w.t. dengan tujuan untuk memberi hidayah kepada manusia ke arah perkara-perkara yang akan memberikan kebaikan kepada mereka. Ini adalah separtimana yang telah difirmankan oleh Allah s.w.t. di dalam kitabnya:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ مِنَ الظُّرُفَاتِ وَهُدًىٰ وَرَحْمَةً لِلنَّاسِ يُزَكِّيُكُمْ

Maksudnya: "Dan kami tidak menurunkan kepadamu Al-Quran ini melainkan supaya kamu dapat menjelaskan apa yang mereka khilaf itu dan menjadi petunjuk dan rahmat kepada kaum yang beriman."¹

FirmanNya lagi:

كِتَابٌ أَنزَلْنَا إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ بِذِكْرِ رَبِّكَ مِنْ حَرَقَاتِنَا إِنَّمَا يَنْهَا عَنِ الْأَلْبَابِ

Maksudnya: "Ini adalah sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu dengan berkat supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran."²

Sesungguhnya Allah menurunkan Al-Quran ini sebagai petunjuk dan cahaya, dan memberikan kepada manusia ilmu pengetahuan. Serta menjanjikan kepada mereka yang berpegang dengannya, kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Di bawah ini dikemukakan beberapa aspek penting mengenai pendidikan separtimana yang terdapat di dalam Al-Quran:

1

Al-Quran, surah Al-Nahl 16:64.

2

Al-Quran, surah Sad 38:29.

a- Al-Quran Menghormati Akal Manusia

Apabila manusia merupakan sasaran pendidikan, maka nilainya dapat diukur melalui penghormatan terhadap akal manusia yang mana ianya merupakan wasilah dan dengannya manusia dapat berfikir, memahami, memerhatikan serta mempelajari sesuatu. Di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menunjukkan penghormatannya terhadap akal fikiran manusia, di antaranya ialah firman Allah s.w.t.

بِأَنَّهُ حَكَمَ عَلَيْنَا

¹

Maksudnya: "..... kami berikan kepadanya hikmah dan ilmu".

فَأَنْقُوَ اللَّهُ يَعْزِيزِ الْأَيْمَنِ

Maksudnya: "Maka bertaqwalah kepada Allah hai orang-orang yang ² berakal".

إِنَّ فِي ذَلِكَ لِذِكْرٍ لِّنَّ كَانَ لَهُ ذَكْرٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ³ terdapat peringatan bagi mereka yang mempunyai akal"

كَذَلِكَ نَصِيبُ الْأَيْمَنِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya: "Demikianlah kami menerangkan ayat-ayat bagi kaum yang ⁴ berakal".

فَتَبَرُّ أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتَ لَا تَشْمُرَ

Maksudnya: "...maka bertanyalah kepada orang-orang yang mempunyai ⁵ pengetahuan sekiranya kamu tidak mengetahui".

¹ Al-Quran, surah Yusof 12:22.

² Al-Quran, surah Al-Ma' idah 5:100.

³ Al-Quran, surah Qaf 50:37.

⁴ Al-Quran, surah Al-Rom 30:28.

⁵ Al-Quran, surah Al-Nahl 16:43.

Dari ayat-ayat yang dikemukakan di atas ternyata sekali Al-Quran menuntut manusia supaya menggunakan akal fikiran mereka dengan baik di samping itu akal manusia terus dihormati apabila ianya digunakan dengan baik di dalam mencari kebenaran.

Al-Quran juga mengutuk mereka yang tidak mahu menggunakan akal fikirannya di dalam mencari kebenaran. Ini sepertimana yang berlaku ke atas orang-orang kafir, apabila mereka diajak supaya beriman dengan Allah. Tetapi mereka enggan berbuat demikian atas alasan bahawa ibu-bapa dan nenek moyang mereka tidak pernah melakukannya. Jadi mereka pun terus kekal di dalam anutan mereka sama seperti yang dilakukan oleh ibu-bapa dan nenek moyang mereka. Sehubungan dengan ini Allah telah mencemuh mereka ini melalui firmanya:

أَلَّا يَكُنْ لِّبَّكُمْ لَا يَقْتُلُونَ سَيِّئَاتٍ لَا يَهْتَدُونَ

Maksudnya: "...apakah mereka itu akan mengikuti juga walau pun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui sesuatu pun¹ (memikirkannya) dan tidak mendapat petunjuk".

Ayat di atas jelas sekali menolak perbuatan mengikut atau meniru secara membuta tuli terhadap sesuatu perkara tanpa pertimbangan akal fikiran.

Sehubungan dengan ini Al-Syekh Muhammad Abdoh menerangkan: Memikir atau mengakali sesuatu itu ialah dengan mengetahui dalil-dalilnya atau pun bukti-buktinya, memahami sebab-sebabnya serta natijah-natijahnya. Dan orang yang paling dekat dengan kebenaran

¹

Al-Quran, surah Al-Baqarah 2:170.

ialah para penyelidik atau pun pengkaji yang sentiasa mencari bukti untuk mendapatkan sesuatu kebenaran, walaupun bukan di dalam kebenaran. Kerana pengkaji yang mempunyai bukti ia akan tetap menemui kebenaran walaupun ianya gagal dipermulaannya. Ini adalah kerana mereka ini telah membiasakan diri mereka dengan pemikiran yang betul serta mengambil faedah daripadanya di dalam mencari sesuatu bukti. Seterusnya manusia yang paling jauh dari mendapat kebenaran ialah orang yang selalu meniru secara membuta tuli, yang tidak pernah mengkaji atau pun menyelidik. Ini adalah kerana mereka telah menyekat akal mereka dari mendapat pengetahuan serta tidak cuba memahami sesuatu melalui jalannya yang betul. Dengan demikian Al-Quran menganggap mereka itu sebagai sesat,¹ kerana mereka tidak menggunakan akal mereka.

Dengan demikian manusia perlulah menggunakan akal fikirannya di dalam mencari dan melakukan pembaharuan dari semasa ke semasa sesuai dengan tabiat alam yang sentiasa maju ke hadapan dengan syarat ianya tidak lari dari landasan yang telah ditetapkan oleh Al-Quran itu sendiri.

b- Al-Quran Menggalakkan Pembelajaran

Berhubung dengan penghormatan terhadap akal manusia Al-Quran juga menerangkan bagaimanakah ianya menggalakkan manusia di dalam berusaha ke arah menuntut ilmu pengetahuan, dan ini didapati di dalam ayat-ayat yang berikut:

1

Muhammad Rasyid Rida, Tafsīr Al-Manār, juz.2, (Cairo, Dar Al-Manār, 1373H), Juz.2, hal.92.

أَفَلَمْ يرَوْا إِنَّ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ¹ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ²

Maksudnya: "Apakah mereka tidak melihat langit dan bumi yang ada di hadapan dan di belakang mereka".

وَفِي الْأَرْضِ مَا يَنْتَهِ لِتَشْوِقِينَ وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا يُبَرِّرُونَ

Maksudnya: "Dan di bumi ini terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi mereka yang yakin. Dan juga pada diri kamu sendiri.² Apakah kamu tidak memperhatikannya".³

سَرِيعُهُمْ إِذَا يَنْتَهُونَ فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَبْيَثُنَّ لَهُمْ أَنَّهُ أَحَقُّ

Maksudnya: "Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) kami di segenap penjuru dan pada diri mereka sendiri³ sehingga jelaslah bagi mereka bahawa Al-Quran itu adalah benar".⁴

أَفَلَا يَتَظَرُّونَ إِلَى الْأَيْلِ كَيْفَ خُلِقْتَ رَبِّ الْعَالَمِ كَيْفَ رُبِّتَ وَإِلَى الْجَبَالِ كَيْفَ نُصِبتَ

وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ

Maksudnya: "Tidakkah mereka memperhatikan bagaimanakah unta itu dicipta, dan langit bagaimana ia ditinggikan, dan gunung-ganang⁴ bagaimana ia ditegakkan, dan bumi bagaimana ianya dihamparkan".

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْخَلْقِ الْأَيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي النَّهَارِ بِسَائِنَتِهِمُ الْأَنَاسُ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَآءٍ فَأَنْجِيكَاهُ إِلَيْهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مُرْبَّعَةٍ وَبَعْدَ فِيهَا مِنْ كُلِّ ذَكَرٍ وَتَعْرِيفٍ أَرْبَعَ وَالشَّحَابَ السَّخَّرِيَّ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَأَنَّهُمْ لِغَورٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya: "Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih

¹ Al-Quran, surah Saba' 34:9.

² Al-Quran, surah Al-Zariyat 51:20-21.

³ Al-Quran, surah Fussilat 41:53.

⁴ Al-Quran, surah Al-Ghasyiah 88:17-20.

bergantinya siang dan malam, kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa apa yang memberi manfaat kepada manusia, apa yang telah diturunkan oleh Allah dari langit berupa air, lalu dihidupkan dengannya (air) bumi selepas kekeringan, dan disebarluaskan di bumi ini segala jenis binatang, dan peredaran angin dan awan yang dikendalikan di antara langit dan bumi, sesungguhnya merupakan tanda-tanda (tentang kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkannya¹.

Dari ayat-ayat yang dikemukakan di atas didapati bahawa Al-Quran telah menggalakkan semua manusia supaya mencari ilmu pengetahuan sebanyak mungkin, serta menceburkan diri di dalam segala bidang ilmu yang berkaitan dengan manusia dan kemanusiaan. Kerana penguasaan di dalam segala bidang pengetahuan bukan sahaja akan menjamin kedamaian hidup di dunia, bahkan ianya juga akan membawa kepada kekuahan iman terhadap pencipta yang akan membawa kedamaian di hari akhirat. Perkara-perkara ini akan terus dicapai selagi segala ilmu itu dimanfaatkan mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Al-Quran itu sendiri.

Sehubungan dengan ini juga Al-Quran telah memberikan amaran yang keras kepada mereka yang berilmu pengetahuan supaya mereka tidak menyembunyikan ilmu yang mereka dapati bahkan ilmu itu hendaklah disebarluaskan di kalangan ramai. FirmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْسِفُونَ مَا أَرَى نَارٌ إِنَّ الْبِتَّةَ وَالْمَدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا يَبَثُكُمُ الْكِتَابُ أُولَئِكَ يَلْعَمُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَمُهُمُ الْمَعْوُنُوكَ

¹

Al-Quran, surah Al-Baqarah 2:164.

Maksudnya: "Mereka yang menyembunyikan apa yang telah kami turunkan yang berupa keterangan-keterangan dan petunjuk-petunjuk selepas kami terangkannya kepada manusia di dalam kitab (Al-Quran), mereka itu dilaknati oleh Allah serta dilaknati pula oleh para makhluk".

c- Al-Quran Memuliakan Manusia

Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Al-Quran:

وَإِذْ قَنَّا لِلنَّبِيِّكُمْ أَسْجُدُوا لِلأَرْضِ فَسَجَدُوا

Maksudnya: "Dan ingatlah ketika kami berfirman kepada para malaikat: sujudlah kamu kepada Adam, maka malaikat pun sujudlah".

Perintah Allah kepada malaikat supaya malaikat sujud kepada Adam ini adalah merupakan penghormatan yang paling tinggi kepada manusia yang merupakan makhluk yang suka melakukan tumpah darah (melakukan pembunuhan). Walaupun manusia merupakan makhluk yang suka melakukan tumpah darah tetapi ianya dikurniakan Allah s.w.t. dengan berbagai rahsia dan ilmu pengetahuan yang boleh meninggikan martabatnya sehingga boleh mengatasi martabat malaikat. Manusia juga dikurniakan dengan kemahiran yang membolehkannya untuk memilih jalannya yang tersendiri.

¹

Al-Quran, surah Al-Baqrah 2:159.

²

Al-Quran, surah Al-Baqarah 2:34

³

Sayyid Qutub, Fi Zilāl Al-Qur'an, juz.1, (Beirut, Dar Al-Syuruq, t.t.), hal.67.

Walau bagaimanapun martabat manusia akan menjadi lebih rendah lagi dari martabat haiwan jika sekiranya ia tidak memanfaatkan segala kurniaan Allah itu dengan cara yang baik serta diredhai.

Peringkat permulaan penciptaan manusia (yang bermula dengan Nabi Adam) juga merupakan permulaan bagi pembelajaran ilmu pengetahuan di mana Adam diajar dengan berbagai ilmu pengetahuan, sepetimana firman Allah yang berbunyi;

وَعَلِمَ آدَمُ الْأَنْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالُوا إِنَّمَا تُرْشِفُ بِإِسْمَاءٍ هَذِهِ إِنْ كُنْتُمْ مَنِيدِينَ

فَأُولَئِكَ لَا يَعْلَمُونَ لَنَا إِلَّا نَعْلَمُنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: "Dan dia mengajarkan kepada Adam nama-nama benda seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat, lalu berfirman: sebutkanlah kepadaku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar'. Mereka menjawab: Maha suci engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya engkaulah yang maha mengetahui lagi maha bijaksana".¹

d- Al-Quran Menjadikan Cerita Sebagai Wasilah Pembelajaran

Kepentingan cerita telah diketahui sejak lama dahulu. Ini adalah kerana peranannya kadangkala sebagai penghibur hati yang mempengaruhi jiwa yang boleh membuat seseorang itu terhibur, gembira, kagum, marah dan sebagainya.

Di dalam penyampaian mesej Al-Quran telah menggunakan berbagai wasilah, di antaranya ialah penggunaan cerita. Di dalam

¹

Al-Quran, surah Al-Baqarah 2:31-32 .

Al-Quran cerita terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- 1- Kisah-kisah Nabi, yang mengandungi dakwah-dakwah mereka terhadap kaum mereka, serta mukjizat-mukjizat, kedudukan para penentang mereka, peringkat dakwah serta perkembangannya dan lain-lain lagi.
- 2- Kisah-kisah mengenai orang-orang silam selain dari para nabi, seperti Talut dan Jalut, dua orang anak Adam, Ahlulkahfi, Qarun dan lain-lain lagi.
- 3- Kisah-kisah yang berlaku di zaman Rasulullah saw. seperti kisah mengenai peperangan Badar, Hunain, Tabuk Al-Ahzab serta cerita-cerita mengenai hijrah, isra' dan ¹ lain-lain lagi.

Walau apa pun jenis cerita yang dikemukakanNya, Al-Quran menggunakan cerita-cerita itu untuk tujuan pembelajaran yang mengandungi:

- 1- Pendidikan rohani;
- 2- Pendidikan serta pengembangan akal fikiran;
- 3- Pendidikan Jasmani;
- 4- Pendidikan melalui teladan; dan
- 5- Pendidikan melalui peringatan.

¹ AbdulLah Mahmud Syahhata¹, "Al-Qissat Fi Al-Qur'an Al-Karim", dalam Majallah Al-'Arabi Al-Kuwaitiyat, March 1976, hal.27.

² Sa'id Isma'il 'Ali, Usul Al-Tarbiyat Al-Islamiyyat, hal.37.

Al-Sunnah

Al-Sunnah atau pun al-Hadis merupakan sumber yang ¹ kedua bagi pendidikan Islam, selepas Al-Quran. Dari segi kedudukan, Al-Sunnah merupakan penerang atau pun penjelas bagi Al-Quran, melalui salah satu cara yang berikut:

- 1- Sama ada Al-Sunnah itu merupakan sunnah yang memperakui serta menyokong dan memperkuatkan sesuatu hukum atau lain-lain yang telah disebutkan oleh Al-Quran. Dengan demikian hukum yang berkenaan akan mempunyai dua dalil, iaitu dalil dari Al-Quran dan dalil dari Al-Sunnah. Ini adalah seperti perintah mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengerjakan haji, melarang dari syirik kepada Allah, menipu di dalam menjadi saksi, durhaka kepada dua ibu-bapa dan ² lain-lain lagi.
- 2- Al-Sunnah yang menerangkan serta memperjelaskan perkara-perkara yang telah disebutkan oleh al-Quran, serta menzahirkan apa yang dimaksudkan dengannya serta memberi penerangan tentang perkara-perkara yang samar.

Al-Sunnah menerangkan serta memperjelaskan Al-Quran melalui tiga cara:

- 3- Tafsil al-mujmal (تفصيل المجمل) iaitu menghuraikan ayat-ayat yang pendek dan ringkas. Seperti menerangkan perkataan sembahyang, puasa serta apa yang dimaksudkan dengannya.

¹

Lihat kembali pengertiannya di hal.38

²

‘Abd Al Wahhāb Khallāf, ‘Ilm Usūl Al-Fiqh, (Kuwait, Dār Al-Qalam, 1970), hal.29.

Di dalam mewajibkan sembahyang Allah berfirman ، اقِمُوا الصَّلَاةَ ، yang bermaksud: "Dirikanlah sembahyang" tanpa menerangkan caranya. Di sini al-Sunnah berperanan menerangkan caranya. Ini seperti mana sabda Rasulullah yang bermaksud "sembahyanglah kamu sepetimana aku sembahyang (dengan menunjukkan cara sembahyang). Dan begitulah seterusnya di dalam perkara-perkara lainnya.

b- Takhsis Al-'Am (تخصيص العام) iaitu mengkhususkan yang am.

Di antaranya ialah Allah telah memerintahkan supaya anak mewarisi peninggalan bapa atau ibu di dalam firmannya:

بُوْصِكَرَاللَّهُ فِي أَزْلَدِكُلَّذَكَرِ مِنْ حَظِّ الْأَشْتَيْنِ

Maksudnya: "Allah memerintahkan bagi anak-anak kamu, bagi yang ¹ lelakinya adalah bersamaan dua bahagian untuk perempuan"

Hukum yang sedemikian ini merupakan hukum am bagi setiap peninggal pusaka dan setiap pewaris. Maka al-Sunnah telah mengkhususkan hukum ini kepada peninggal pusaka yang bukan dari golongan nabi di dalam sabdanya yang bermaksud:

"Kami para nabi-nabi tidak meninggalkan pusaka, apa yang kami ² tinggalkan itu adalah merupakan sedekah".

c- Tagyid li Mutlagi Al-Quran (تقيد لمطلق القرآن) iaitu menyempitkan yang luas. Umpamanya Allah memerintahkan supaya tangan pencuri dipotong (السارق والسارقة فاقطعوا ايديهما) tetapi tidak diterangkan di bahagian manakah potongan perlu dilakukan. Akan tetapi al-Sunnah telah menerangkan tempatnya iaitu dipergelangan tangan.

¹

Al-Quran, surah al-Nisa' 4:11.

²

Al-Qastallānī, Irsyād Al-Sāri Lisyārḥ Sahīḥ Al-Bukhārī, juz.9, (Beirut, Dar Al-Kitāb Al-‘Arabi, 1402H/1983M), hal.424.

3- Menerangkan Perkara-perkara Baru Yang Tidak Disebutkan Oleh Al-Quran

Sehubungan dengan ini sesetengah ulama memberi contoh terhadap pengharaman memakan kuda belang, setiap binatang buas yang mempunyai taring, setiap burung yang berkuku, serta pengharaman memakai sutera dan emas bagi lelaki dan mengenakan hukuman had kepada peminum arak. Hukum-hukum khas dengan perkara-perkara di atas tidaklah bertentangan dengan hukum-hukum Al-Quran. Bahkan menepatinya. Ini adalah kerana terdapatnya perintah di dalam Al-Quran supaya mentaati Rasul secara berasingan, seperti mana firman Allah:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا رَسُولَهُ

1

Maksudnya: "Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul".

Aspek-aspek Pendidikan Di Dalam Al-Sunnah

Sebagai sumber yang kedua bagi pendidikan Islam, sudah tentu banyak perkara dikemukakan oleh Al-Sunnah. Al-Sunnah bukanlah hanya setakat menyuruh seseorang itu melakukan sesuatu atau meminta supaya meninggalkannya, tetapi Al-Sunnah juga meminta seseorang itu menggunakan pertimbangannya sendiri di dalam membuat sesuatu keputusan dengan syarat ianya tidak lari dari kaedah-kaedah am yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah itu sendiri.

Di bawah ini dibincangkan beberapa perkara mengenai kehidupan Rasulullah yang mana melaluiinya akan kita dapati gambaran-gambaran, pandangan-pandangan, pendirian-pendirian Rasulullah berkaitan dengan pendidikan dan pembelajaran.

1

Al-Quran, surah Al-Ma' idah 5:92.

Seruan Ke Arah Menuntut Ilmu

Rasulullah s.a.w. telah menerangkan tentang kedudukan ilmu pengetahuan, dan telah menggalakkan orang ramai di dalam menuntutnya. Sabda baginda:

من يرد الله به خيراً يفقهه في الدين

Maksudnya: "Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. akan kebaikan, Allah akan memberikan kepadanya kefahaman yang mendalam ¹ di dalam agama".

Sabdanya lagi:

عالم واحد اشد على الشيطان من ألف عابد

Maksudnya: "Seorang orang alim adalah lebih gagah ke atas syaitan ² (melawan syaitan), berbanding dengan seribu orang ahli ibadat".

Rasulullah s.a.w. telah menjadikan ilmu sebagai satu rukun daripada rukun-rukun kebaikan, serta membezakan manusia dengan ilmu, sabda baginda:

الإنسان معادن خياراتهم في الجاهلية خياراتهم في الإسلام إذا فقهوا

Maksudnya: "Manusia adalah diibaratkan sebagai logam. Mereka yang baik di zaman jahiliyah juga baik di zaman Islam, sekiranya mereka ³ itu berilmu pengetahuan".

¹

Abu 'AbdiLlah Muhammад bin Yazid, Sunan Ibn Majah, juz.1 (Mesir, Dār al-Fikr, t.t.), hal.80.

²

Ibid, hal.81.

³

Sa'id Isma'il 'Ali, hal.57.

Rasulullah juga menerangkan bahawa, jalan di dalam menuntut ilmu itu juga merupakan jalan ke syurga. engakuan yang seumpama itu menunjukkan beliau amat senitikberatkan ke atas umatnya supaya menuntut ilmu. Ini memberi aham kepada kita bahawa menuntut ilmu itu adalah sama anjarannya dengan ganjaran melakukan ibadat-ibadat lain yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t. Sabda baginda:

من سلك طریقاً یلتمس فیه علماً سهل اللہ لہ طریقاً الی الجنة

Maksudnya: "Sesiapa yang telah menyusuri suatu jalan di dalam menuntut ilmu, nescaya Allah memudahkan kepadanya jalan ke syurga".¹

Rasulullah juga menjadikan ilmu itu suatu perkara yang memberi tuah dengan memilikinya, serta perlu berlumba-lumba di dalam mendapatkannya. Sabda baginda:

لا حسد الا في اثنين، رجل آتاه الله

مالا فسلطه على هلكته في الحق وآخر آتاه الله حكمة فهو يقضى بها ويعلمها

Maksudnya: "Jangan beriri hati melainkan di dalam dua perkara: Seorang lelaki dikurniakan Allah dengan harta yang banyak, kemudian ia menghabiskannya di dalam kebenaran. Dan yang kedua ialah seorang lelaki dikurniakan dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan, maka dia memanfaatkannya serta diajarkan orang lain dengan ilmu itu".²

¹ Ibn Mājah, Ibid.

² Ahmad bin Hanbal, Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal, juz.6, (Beirut, Al-Maktab Al-Islāmiy Li al-Tiba'a^t Wa Al-Nasyr, t.t.) hal.78.

b- Rasulullah Menganjurkan Supaya Mempraktikkan Pembelajaran

Sekiranya seseorang itu mempelajari sesuatu ilmu, kemudian terus menyimpan ilmu itu tanpa menyebarkannya kepada orang lain, ini tidak akan memberikan sebarang faedah daripadanya, juga tidak akan memberikan sebarang perubahan di dalam dunia ini.

Dengan demikian Rasulullah telah mengarahkan supaya disebarluaskan ilmu pengetahuan serta melarang dari merahsiakanya. Sehubungan dengan ini Rasulullah telah bersabda:

نَصَرَ اللَّهُ عَبْدًا سَمِعَ مَقَالَتِي فَوَاعَاهَا ثُمَّ أَدَاهَا إِلَىٰ مَنْ لَمْ يَسْمَعْهَا فَرَبِّ حَامِلِ فَقَهَ إِلَىٰ مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ
Maksudnya: "Allah akan menyerikan seseorang yang telah mendengar kata-kataku, kemudian mengambil iktibar darinya, kemudian ia menyampaikannya kepada orang lain yang belum pernah mendengarnya. Kadangkala pembawa sesuatu ilmu itu tidak berilmu, kadangkala pembawa ilmu itu akan menyampaikannya kepada orang yang lebih ¹ pandai darinya".

Rasulullah tidak pernah meninggalkan mana-mana wasilah sebaran am yang ada pada masa itu di dalam menyampaikan risalah ke segenap pelusuk dunia. Dengan demikian beliau mengutus wakil, menghantar surat dan memerintah duta-duta serta gabenor untuk berbuat demikian. Urusan ini adalah merupakan teladan yang baik di dalam penyampaian ilmu pengetahuan.

¹

Ibn Mājah, juz.1, hal.84.

Di dalam melarang seseorang itu dari merahsiakan ilmu pengetahuan serta untuk menjamin supaya aktiviti pembelajaran akan terus maju Rasulullah telah bersabda:

مَنْ سُئِلَ عَنْ عِلْمٍ فَكُتِمَ الْجَمْ بِلْ جَامَ مِنْ نَارٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: "Sesiapa yang ditanya mengenai sesuatu ilmu kemudian ia merahsiakannya maka Allah akan memakaikannya pakaian dari neraka di hari kiamat".¹

c- Al-Sunnah Menunjukkan Pentingnya Teladan

Sesuatu teori itu walau bagaimana baik sekali pun, jika ianya tidak pernah dipraktikkan, ianya masih belum boleh dipercayai. Bagitulah juga nilainya seorang pendidik yang tidak menunjukan teladan di dalam urusan pembelajarannya.

Rasulullah s.a.w. telah banyak menerangkan kepada umatnya tentang asas-asas pendidikan dan beliau sendiri telah memainkan peranan yang amat besar di dalam memberikan teladan kepada umatnya. Sehingga apabila Aisyah r.a. ditanya tentang keperibadian Rasulullah, Aisyah menjawab keperibadian baginda merupakan keperibadian Al-Quran. Dan setiap apa yang dituturkannya adalah menepati dengan apa yang dilakukannya.

d- Bertimbangrasa Kepada Pelajar

Urusan serta hubungan Rasulullah s.a.w. dengan mereka yang diajaknya untuk menganuti agama Islam dan juga di dalam

1

Ibn Mājah, juz.1, hal.96.

perhubunganya dengan bukan Islam merupakan contoh yang baik bagi para guru di dalam menghadapi murid-muridnya. Di mana kelembutan serta timbangrasa telah memberikan kejayaan yang besar di dalam kegiatan dakwah dan pembelajaran.

Di antara contoh timbang rasa Rasulullah terhadap umat baginda, baginda tidak keluar bersembahyang tarawih di masjid bersama-sama sahabatnya pada malam ketiga Ramadhan selepas bersama-sama mereka di malam pertama dan malam kedua. Baginda bersabda yang bermaksud: "Aku bimbang ianya (sembahyang tarawih)¹ akan diwajibkan ke atas kamu, dan kamu tidak mampu melakukannya".

Baginda juga tidak memerintah supaya setiap orang itu bersugi terlebih dahulu sebelum sembahyang walaupun perkara itu dianggap penting, dengan demikian baginda bersabda:

لولا ان اشـق عـلـى امـتـي لـامـرـكـم بـالـسـوـاـكـ فـى كـلـ صـلـةـ

Maksudnya: "Sekiranya aku tidak bimbang akan menyusahkan umatku nescaya aku akan menyuruh kamu semua bersugi setiap kali ² sembahyang".

Rasulullah juga mengingatkan kepada sesiapa yang menjadi imam sembahyang supaya tidak memanjangkan sembahyangnya, sabda Baginda:

اـذـا اـمـ اـحـدـكـمـ النـاسـ فـلـيـخـفـ فـانـ فـيـهـمـ الـكـبـيرـ وـالـضـعـيفـ وـالـمـرـيـضـ وـذـالـحـاجـةـ

¹

Al-Nasā'i, Sunan Al-Nasā'i, juz.3, (Beirut, Dar Al-fikr, 1348H/1930M), cet.1, hal.202.

²

Ibn Mājah, juz.1, hal.105.

Maksudnya: "Sekiranya seseorang dari kamu mengimamkan sembahyang, maka hendaklah ia meringankannya, ini adalah kerana terdapat di kalangan makmum itu kanak-kanak, orang-orang tua, orang lemah,¹ orang sakit dan orang yang ada urusan". Sekiranya seseorang itu sembahyang seorang diri maka panjangkanlah sembahyangnya sekehendak hatinya.

e- Penghormatan Kepada Orang Yang Berilmu

Kita dapat di setengah-setengah tempat di mana negara telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk tujuan pendidikan. Walau pun demikian didapati pulangan dari pelaburan yang besar itu adalah terlalu kecil. Bila dikaji mengenai puncanya, terdapat berbagai punca yang membawa kepada keadaan yang sedemikian. Walau bagaimanapun terdapat juga sebab yang paling nyata sekali ialah kedudukan para cerdik pandai di negara yang berkenaan tidak setimpal dengan apa yang sepatutnya. Mereka tidak diberi penghargaan yang secukupnya yang sesuai dengan kedudukan mereka. Dengan yang demikian mereka berhijrah ke tempat lain yang sanggup memberikan penghargaan yang sesuai² kepada mereka.

Di sini kita amat kagum dengan penghargaan yang diberikan oleh Rasulullah terhadap ulama dan para cendekiawan. Dengan penghargaan yang sedemikian akan membantu meningkatkan semangat serta keyakinan di dalam perjuangan.

¹ Ibn Majah, juz.1, hal.315.

² Sa'īd Isma'īl 'Ali, Usul Al-Tarbiyat Al-Islamiyyat, hal.58.

Sehubungan dengan ini Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Malaikat meletakkan sayapnya bagi penuntut ilmu sebagai redha dengan apa yang dituntutnya itu, dan sesungguhnya para ulama sama tarafnya para mujahid yang berjuang di dalam
¹
abilillah".

Abu Hurairah juga telah meriwayatkan sebuah hadis yang bermaksud:

"Para nabi melebihi ulama dengan dua darjah, manakala
²
ulama melebihi para syuhada dengan satu darjah".

Telah disebutkan juga bahawa Nabi Muhammad telah mengutamakan orang alim ke atas kebanyakan manusia.

Sabda Rasulullah lagi yang bermaksud:

"Para alim ulama merupakan pewaris bagi para nabi".
³

Ini adalah kerana para nabi tidak mewariskan harta benda tetapi mewariskan ilmu pengetahuan. Ilmu itu adalah cahaya dan ulama itu merupakan pelita.

¹
Ibn Majah, juz.1, hal.82.

²
Ibid, hal.81.

³
Ibid.

f- Pendidikan Jasmani

Tidak syak lagi bahawa kebahagiaan manusia terikat dengan kekuatan tubuh badan serta jiwa raganya. Ini adalah kerana kehidupan ini penuh dengan cabaran dan harapan. Maka di dalam mengejar harapan terpaksa lah menempuh berbagai cabaran dan halangan. Kelemahan salah satu sama ada rohani atau jasmani boleh menghalang seseorang itu dari mencapai cita-citanya.

Bahkan kebanyakan kerja-kerja ibadat di dalam Islam memerlukan badan yang sihat. Bagaimanakah seseorang itu boleh berjihad tanpa mempunyai kesihatan yang baik, bagaimanakah ia boleh menjadi seorang guru yang didikasi, dan bagaimanakah ia boleh menjadi seorang murid yang cergas dan sebagainya. Sehubungan dengan ini Rasullah s.a.w. telah bersabda, yang bermaksud:

"Orang-orang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih
¹
disayangi oleh Allah daripada orang-orang mukmin yang lemah"

Tidak syak lagi bahawa riadah mempunyai pengaruh yang kuat ke atas kekuatan badan serta ketahanannya. Di sini didapati Rasulullah sentiasa menekankan dan menggalakkan umatnya supaya mengamalkan riadah, yang mana ianya adalah seperti berikut:

a- Memanah

Allah s.w.t. telah berfirman:

رَأَيْدُوا لَهُمْ نَّا أَسْتَطْعُمُ مِنْ قُوَّةٍ

¹

Ibn Majah, juz.1, hal.31.

Maksudnya: "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggup".¹ Di dalam menerangkan ayat ini Rasulullah bersabda yang bermaksud:

2

"Ingatlah! sesungguhnya kekuatan itu adalah memanah"
(diulangnya tiga kali).

Rasulullah telah mengulangi kata-katanya sehingga tiga kali, bertujuan menarik minat ramai di dalam mempelajari memanah serta menyediakan peralatannya.

Dengan hadis di atas bukanlah bermakna memanah sahaja ang dituntut oleh Rasulullah, bahkan kalau nak dikira di dalam masyarakat kita segala jenis silat dan permainan senjata, keris, pedang dan lain-lainnya adalah tergolong di dalam apa yang dikehendaki oleh Rasulullah.

b- Berenang

Telah diriwayatkan bahawa Rasulullah telah bersabda:

حق الولد على الوالد ان يعلمه الكتابة والسباحة والرمى

Maksudnya: "Kewajipan bapa terhadap anaknya ialah mengajar mereka menulis, berenang dan memanah".³ Ini adalah seperti mana yang diketahui bahawa riadah berenang boleh menguatkan badan serta memberi faedah yang besar bila berada di dalam air seperti menyelamatkan orang lemas, menyelamatkan harta benda dan lain-lain lagi.

¹ Al-Quran, surah Al-Anfal 8:60.

² Ibn Mājah, juz.2, hal.94.

³ Sa'īd Ismā'īl 'Ali, hal.70.

c- Berlari Dan Bergusti

Sepertimana menggalakkan memanah dan berenang Rasulullah juga pernah melihat sahabat-sahabatnya berlumba lari dan baginda memperakuinya. Sayyidatuna Aisyah juga telah meriwayatkan bahawa Rasulullah berlumba lari bersamanya dan Rasulullah telah dapat mendahuluinya, seterusnya Sayyidatuna Aisyah dapat mendahului Rasulullah tetapi akhirnya Rasulullah dapat kembali mendahului Sayyidatuna Aisyah.¹

Diriwayatkan juga bahawa Rasulullah pernah berlawan gusti dengan seorang yang terkenal dengan kegagahannya dengan mempertaruhkan seekor biri-biri kepunyaan lelaki itu. Lelaki itu kalah tiga kali berturut-turut kepada Rasulullah. Walau bagaimanapun Rasulullah mengembalikan ketiga-tiga ekor biri-biri yang dimenanginya itu kepada lelaki tersebut.²

Selain daripada apa yang telah disebutkan di atas permainan tombak dan menunggang kuda juga merupakan di antara sukan yang telah digalakkan oleh Rasulullah.

Daripada apa yang telah dikemukakan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa segala apa jenis sukan sahaja merupakan sesuatu yang dituntut oleh agama, kerana ianya mempunyai faedah yang amat besar kepada kesihatan rohani dan jasmani. Benarlah mereka yang berkata: Akal yang sempurna itu terletak di dalam badan yang sihat.

¹
Ibid.

²
Ibid.

Walaupun di sini hanya disebutkan beberapa jenis sukan sahaja, ini tidaklah bermakna sukan-sukan yang tidak disebutkan di sini tidak digalakkan. Apa jua jenis sukan yang boleh membawa kepada tercapainya matlamat kekuatan dan kesihatan adalah dituntut oleh agama selagi ianya tidak dicampur-adukkan dengan perkara-perkara yang membawa kepada kemaksiatan.

Dari apa yang telah dikemukakan kita dapati teori pembelajaran di dalam pendidikan Islam - terutama sekali yang terkandung di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah telah menyentuh berbagai aspek yang berkaitan dengan pembelajaran sama ada guru, murid atau pelajar, kandungan pelajaran, psikologi dan lain-lain aspek. Penerapannya di dalam pembelajaran bahasa diharapkan akan dapat memberikan natijah yang lebih baik daripada apa yang telah atau pun pernah dicapai.

Melalui teori-teori pembelajaran yang telah dikemukakan oleh Al-Quran dan Al-Sunnah kita dapati generasi-generasi yang terdahulu telah dapat menguasai bahasa Arab dengan baik sesuai dengan matlamat dan falsafah pembelajaran yang ada pada mereka. Dengan memahami kehendak serta panduan yang terkandung di dalam **Al-Tarbiyat Al-Islamiyyat** seterusnya mempraktikkannya secara langsung akan meningkatkan motivasi di dalam pembelajaran - khususnya di dalam pembelajaran bahasa, dengan peningkatan motivasi pembelajaran akan menjadi lebih berkesan.